

'Disabiliti' bukanlah hanya keterbatasan fungsional individu ataupun kesulitan/ ketidakmampuan prestasi yang secara langsung timbul daripada keterbatasan tersebut. 'Disabiliti' adalah penindasan, diskriminasi, pengucilan sosial dan sekatan penyertaan. Pengertian masyarakat terhadap 'disabiliti' yang begini dengan jelas menghilangkan tumpuan terhadap OKU sebagai "masalah" dan mengalihkan tanggungjawab tersebut kepada masyarakat untuk menyingkirkan hambatan yang menghalang inklusi penuh.

Perspektif tentang 'disabiliti' ini dipanggil **Model Sosial Perihal 'Disabiliti' (Social Model of Disability)**, dan merupakan asas konseptual kepada Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DET*). DET bertujuan untuk mempromosikan pemahaman tentang 'disabiliti' dari perspektif Model Sosial; ini membantu mengenal pasti halangan yang ada dalam masyarakat dan memudahkan langkah-langkah proaktif untuk menghilangkan halangan tersebut. Kesemua rangka kerja Latihan DET dilaksanakan dalam bentuk ber'*fasilitasi*' dan pembelajaran interaktif.

**Kevin McLaughlin** telah bekerja disektor 'disabiliti' selama lebih daripada 25 tahun. Dia adalah lulusan dari University of Ulster dan Queen's University, Belfast dan kelulusan MA dalam Pengajian 'Disabiliti' (*Disability Studies*) dari Leeds University, UK.

**Kenji Kuno**, PhD, adalah Penasihat Kanan perihal 'Disabiliti' untuk Japan International Cooperation Agency (JICA). Beliau juga adalah Penyelaras kepada Asia Pacific Disability Equality Training (DET) Forum ([www.detforum.com](http://www.detforum.com)).



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

SEMENANJUNG MALAYSIA: RM00.00  
SABAH/SARAWAK: RM00.00

mybooks.com.my

Mempromosi Kesamarataan 'Disabiliti': Melaksanakan Teori kepada Praktik

Kevin McLaughlin • Kenji Kuno

DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET) MANUAL SERIES NO. 4



## Mempromosi Kesamarataan 'Disabiliti' Melaksanakan Teori kepada Praktik

Kevin McLaughlin • Kenji Kuno

# **Mempromosikan Kesamarataan ‘Disabiliti’** Melaksanakan Teori kepada Praktik

**KEVIN McLAUGHLIN • KENJI KUNO**



**UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD**

**Diterbitkan oleh:**

*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*

*No. 1 & 3, Jalan 3/91A*

*Taman Shamelin Perkasa, Cheras*

*56100 Kuala Lumpur*

*Tel: 03-92856577*

*Fax: 03-92846554/92875763*

*e-mel: enquiry@upnd.com.my*

*laman web: www.mybooks.com.my*

© Kevin McLaughlin & Kenji Kuno

Terbitan Pertama 2010

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

McLaughlin, Kevin

Mempromosi kesamarataan disabiliti:

melaksanakan teori kepada praktik/ Kevin McLaughlin, Kenji Kuno

ISBN: 978-967-61-2427-2

1. People with disabilities--Training of.

2. Educational equalization

I. Kuno, Kenji

362.4

*Dicetak oleh*

*XXXXXXXXXX*

*No. 10, Jalan Indrahana 1*

*Off Jalan Kuchai Lama*

*58100 Kuala Lumpur*

Siri Buku Panduan DET:

- No. 1.        *Training Them and Us: A Guide to Equality for Society*  
Liz Carr, Paul Darke dan Kenji Kuno
- No. 2.        *Promoting Disability Equality: From Theory into Practice*  
Kevin McLaughlin dan Kenji Kuno
- No. 3.        *Disability Equality and Inclusion: Making a Difference*

## Pengenalan

Ini adalah buku pertama dalam bahasa Malaysia daripada rangkaian Manual Pelatih bagi DET untuk Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DET*). Siri Manual DET ini diterbitkan sebagai sebahagian daripada Projek 'Disabiliti', dilaksanakan oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Projek ini direka berdasarkan konsep Model Sosial Perihal 'Disabiliti', dan DET diambil sebagai salah satu komponen kunci daripada projek. Dalam projek ini, 41 OKU dari sepuluh buah negara, iaitu Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia, Nepal, Bangladesh, Pakistan, Kyrgystan, Maldives, dan Afghanistan, telah dilatih sebagai jurulatih DET selama tiga tahun kebelakangan ini.

Saya benar-benar berharap bahawa buku ini akan memberikan maklumat yang berguna dan idea-idea tentang DET. Saya juga menyambut baik mana-mana ulasan dan cadangan terhadap projek ini. Projek ini telah membangunkan sebuah laman web, DET ([www.detforum.com](http://www.detforum.com)) sebagai landasan untuk bertukar-tukar informasi dan idea-idea dan silalah layari laman tersebut.

Saya percaya bahwa elemen penting dalam menangani 'disabiliti' adalah "SPICE" (sama seperti rempah-ratus yang penting untuk memasak kari yang lezat!). Jadi, apa itu SPICE? Ini adalah promosi Penyertaan Sosial (*Social Participation*), Bergaul dengan Masyarakat (*Inclusion in the Community*), dan Penguasaan (*Empowerment*) daripada semua OKU. Jadi, mari sama-sama kita "SPICE up" dan bekerja bersama-sama kami untuk menangani 'disabiliti'!

*Kenji Kuno*

# Kandungan

<i>Pengenalan</i>	iii
<b>Bahagian 1: Pengenalan Latihan Kesamarataan Perihal ‘Disabiliti’ (DET)</b>	1
<i>Kenji Kuno</i>	
1. Apa itu DET?	1
Perbezaan antara DET dan DAT	3
Mengajar “Etika (reaksi)”? atau Membantu Tindakan Proaktif untuk Perubahan Sosial?	6
Batasan Latihan Simulasi	7
Mengapa Model Sosial?	8
Mengapa Perlu Pelan Tindakan	9
2. Siapakah Jurulatih DET?	11
3. Siapa yang Harus Menyertai DET?	12
4. Program Latihan DET	13
5. Kesimpulan	19

<b>Bahagian 2: Buku Panduan DET</b> <i>Kevin McLaughlin</i>	26
Pengenalan	20
Rangka Sesi Latihan Perihal Disabiliti	21
<b>Bahagian 2.1 Nota Jurulatih Kursus</b>	23
Latihan 1 : Latihan Orang Ternama	25
Latihan 2 : Latihan Kesedaran Perihal Disabiliti vs Latihan Kesamarataan Perihal Disabiliti	26
Latihan 3 : Latihan Sikap dan Kesedaran	27
Latihan 4 : Latihan Kuasa Perkataan	31
Latihan 5 : Hak	34
Latihan 6 : Model Perubatan dan Model Sosial Perihal Disabiliti	42
Latihan 7 : Latihan Kim	41
Latihan 8 : Model Perubatan dan Sosial – Latihan Menulis Semula	42
Latihan 9 : Model Sosial	44
Latihan 10: Latihan Kieron	45
Latihan 11: Tayangan video “Saturday Night Out”	48
Latihan 12: Berdikari	49
Latihan 13: Tindakan untuk Membawa Perubahan	55
<b>Bahagian 2.2. Bahan Edaran Peserta</b>	57
Bahan Edaran: Tujuan dan Objektif	57
Latihan 1 : Latihan Orang Ternama	58
Latihan 2.1 : DET v DAT	59
Latihan 2.2 : Nilai Dasar Latihan Kesamarataan Perihal Disabiliti.	60
Latihan 3 : Latihan Sikap dan Kesedaran	61
Latihan 4.1 : Latihan Kuasa Perkataan	63
Latihan 4.2 : Perhitungan	63



Latihan 5.1 : Latihan Hak	64
Latihan 5.2 : Perhitungan Hak	64
Latihan 6 : Mengikut Model Perubatan/ Mengikut Model Sosial	65
Latihan 7 : Latihan Kim	68
Latihan 9.1 : Perkara Utama Mengenai Perihal Disabiliti Berdasarkan Model Sosial	68
Latihan 9.2 : Mengapa Model Sosial Berasaskan pada Penilaian yang Berdasarkan Keperluan	69
Latihan 9.3 : Gambar Rajah Model Sosial	70
Latihan 10 : Model Pembuatan dan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'	71
Latihan 12 : Berdikari	73
Borang Penilaian DET	74
Rangka Seharian	75
Rangka Sesi	76
Petua Berguna	77
Poskrip	81

# Bahagian 1

## Pengenalan Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (DET)

Kenji Kuno

Bahagian ini memberikan pengenalan asas kepada DET.

### 1. Apa itu DET?

DET	=	Mendapatkan Perspektif Peribadi Model Sosial	+	Membangunkan Proaktif
DET	=	Kandungan (Model Sosial)	+	Proses Pembelajaran Berfasilitasi ( <i>Facilitated Learning</i> )
DET	≠	Propaganda		

Tujuan utama daripada Pengenalan Latihan Kesamarataan Perihal Disabiliti (*Disability Equality Training: DET*) adalah untuk memberikan sumbangan untuk mengubah masyarakat agar menjadi lebih adil, sama rata dan inklusif, di mana penyertaan penuh dan kesamarataan Orang Kurang Upaya (OKU) dapat dipastikan.

Untuk mereliasasikan hasrat ini, DET memiliki dua tujuan atau teras utama. Yang pertama adalah untuk merangsang peserta agar mempunyai pandangan alternatif terhadap 'disabiliti'<sup>1</sup> bagi meneliti 'disabiliti' sebagai isu sosial iaitu, Model Sosial Perihal 'Disabiliti'. Walaupun ini merupakan bahagian utama daripada DET, ini tidak cukup untuk melengkapkan DET. Komponen yang sama penting untuk memudahkan peserta untuk mengembangkan pelan yang konkrit mereka sendiri dan bagi memecahkan tembok penghalang yang menghalang penglibatan OKU dalam bidang pekerjaan dan kehidupan harian. Seringkali seminar yang disebut berkaitan 'disabiliti' hanya mengandungi bahagian yang pertama. Namun, seminar tersebut tidak membantu memperbaiki peranan dan penglibatan peserta-peserta. DET bukan hanya kuliah untuk menambah pengetahuan tentang 'disabiliti' untuk peserta-peserta ataupun kritikan terhadap kerajaan. DET bertujuan untuk mencabar peserta tentang nilai-nilai 'disabiliti', dan untuk memudahkan perkembangan setiap peserta bagi kegiatan proaktif mereka untuk memecahkan tembok penghalang sosial.

DET menghargai kedua-dua kandungan dan proses pembelajaran. Manusia tidak akan mengubah cara menilai ataupun tindakan mereka secara paksaan. Mereka akan berubah sekiranya mereka menyedari kesilapan dan kepentingan pandangan alternatif dan tindakan yang perlu diambil. Oleh yang demikian memberikan penjelasan yang logik tentang 'disabiliti' dalam bentuk kandungan, penemuan dan memberi peluang untuk berfikir dalam proses pembelajaran adalah sama penting dalam memastikan perubahan kepada peserta-peserta DET.

Oleh kerana itu DET tidak boleh diambil sebagai satu propaganda untuk memaksa ia menjadi Model Sosial pada peserta. DET

---

<sup>1</sup> Perkataan "*Disabiliti*" digunakan sebagai penterjemahan kepada "*Disability*", yang bersesuaian dengan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' di dalam buku ini. 'Disabiliti' di dalam skop Model Sosial Perihal 'Disabiliti' merangkumi Penyisihan Masyarakat, Ketidaksamarataan dan Penyertaan yang Terbatas. Oleh itu perkataan seperti 'kecacatan' ataupun "ketidakupayaan" yang hanya cenderung kepada keterbatasan fungsi individu adalah tidak tepat bagi mendefinisikan "*Disability*" di dalam konteks Model Sosial Perihal 'Disabiliti'.

adalah lebih kepada satu proses pembelajaran bagi membantu refleksi dalaman dalam diri setiap peserta, sehingga secara kritisnya mereka akan mempertimbangkan semula penilaian sedia ada terhadap 'disabiliti'.

Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DET*):

- Mengambil 'disabiliti' sebagai isu sosial membabitkan hak, diskriminasi dan kesamarataan lebih daripada isu-isu fungsi individu; .
- Adalah berdasarkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dan bukan Model Perubatan.
- Bertujuan untuk membantu peserta-peserta mempelajari tentang sebab-sebab dan mekanisma yang mewujudkan perihal 'disabiliti' dan bertindak untuk mengubah masyarakat menjadi lebih adil dan inklusif, bukan sekadar meningkatkan kesedaran dan perubahan perilaku yang dangkal dan bersifat luaran sahaja.
- Menghindari menggunakan latihan simulasi (*simulation exercise*) yang hanya menjurus kepada pemahaman dan penekanan kepada sifat "ketidakupayaan atau kecacatan" dan keterbatasan fungsi individu.

DAT	=	Apa OKU tidak boleh lakukan	—————>	bagaimana untuk membantu
DET	=	Mengapa OKU didiskriminasi	—————>	cara memecahkan tembok penghalang

### ***Perbezaan antara DET dan DAT***

DET berbeza daripada pendekatan tradisional yang mempraktikkan pendekatan tentang kesedaran perihal 'disabiliti', yang disebut Latihan Kesedaran Perihal 'Disabiliti' (*Disability Awareness Training: DAT*), yang biasanya memanfaatkan simulasi ketidakupayaan/kecacatan sebagai alat utama. Perbezaan dasar daripada kedua-dua latihan adalah DAT menumpukan

pada aspek fungsional dari OKU iaitu apa yang OKU tidak boleh lakukan, sedangkan DET tertumpu kepada perihalan 'disabiliti' sebagai diskriminasi sosial dan ketidakadilan. DAT dibangunkan berdasarkan konsep Model Perubahan Perihal 'Disabiliti' (*Medical Model of Disability*) yang menganggap ketidakupayaan/kecacatan (*impairments*) sebagai penyebab pelbagai masalah yang dihadapi oleh OKU. Sebaliknya, DET adalah berdasarkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' yang menganggap institusi sosial yang lemah sebagai penyebab utama kepada isu-isu yang dihadapi oleh OKU.

DAT hanya bertujuan untuk mengajar para peserta bagaimana untuk membantu OKU ketika mereka berada dalam kesulitan. Ia tidak memberi tumpuan kepada sebab-sebab mengapa mereka menghadapi masalah-masalah dan kesulitan tersebut. Sebaliknya, DET bertujuan untuk memudahkan peserta mempelajari mengapa tembok halangan tersebut wujud dan bagaimana untuk meruntuhkan atau menghalang kewujudan institusi sosial atau infrastruktur sebegini.

Perbezaan utama yang lain adalah posisi peserta-peserta di dalam setiap kursus latihan. Dalam DAT, peserta dianggap mempunyai kedudukan neutral, dengan tidak ada hubungan langsung dengan masalah-masalah kurang upaya; sematamata pihak ketiga. Individu tersebut berhasrat untuk belajar bagaimana untuk menolong orang kurang upaya, kerana 'disabiliti' dianggap sebagai masalah keterbatasan fungsional, atau ketidakupayaan dalam rangka Model Perubahan, yang merupakan teori dasar DAT. Di sudut yang lain, peserta-peserta DET dijangkakan dapat mengenal pasti diri mereka sebagai penindas atau diskriminator yang menyumbang kepada kewujudan masyarakat yang lemah sama ada dengan atau tanpa niat, yang mana sebab utamanya adalah pengabaian dan tidak membezakan isu-isu dan keperluan orang kurang upaya. Walau bagaimanapun DET juga menekankan transformasi daripada keadaan menjadi "penindas" (*victimizers*) kepada ejen pengubah

Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

	DAT	DET
Tujuan	Memahami keterbatasan fungsi dan tembok penghalang fizikal (apa yang tidak boleh)	Memahami penyebab kepada ketidaksamaraan dan diskriminasi. Ambil tindakan politik untuk mengubah masyarakat
Memahami 'disabiliti'	Keterbatasan Fungsi	Diskriminasi, ketidaksamaraan, penyisihan masyarakat dan partisipasi yang terbatas
Model bagi 'disabiliti'	Model perubahan/ Individu	Model Sosial
Isu-isu yang mengambil pendekatan serupa	Penuaan	Kelamin, bangsa minoriti, HIV/ AIDS
Cara (pendekatan)	Latihan simulasi (pengalaman ketidakupayaan)	(Pembelajaran berfasilitasi 'role play' / diskusi berkenaan ketidaksamaraan dan diskriminasi, analisis akar umbi
Peserta-peserta	Neutral (Tidak memihak ke satu arah)	Penindas dan ejen perubahan
Fasilitator/jurulatih profesional	Perubahan/kebajikan	OKU

bagi menukar masyarakat agar lebih inklusif dan bersikap saksama dengan menyokong peningkatan dalam pelan tindakan mereka sendiri melalui kehendak dan kuasa mereka.

DET memberi lebih banyak perhatian pada soalan mengapa tembok penghalang wujud daripada hanya mengenal pasti dan membuat senarai tembok penghalang tersebut; menekankan "Mengapa awak perlu buat" lebih daripada "Apa yang awak perlu buat" Slogan "Mari membantu OKU" tidak akan menyumbang kepada penyelesaian tembok penghalang. Ini akan dapat menyumbang kepada penyelenggaraan tembok penghalang institusi dengan menolak sikap paternalistik dan menolak ke tepi perhatian terhadap penyebab sebenar berlakunya 'disabiliti'.

Latihan Kesedaran Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DAT*), dan Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DET*)

***Mengajar "Etika (reaksi)"? atau Membantu Tindakan Proaktif untuk Perubahan Sosial?***

Reaksi	=	mempertahankan tembok penghalang
Tindakan proaktif	=	mencegah dan memecahkan tembok penghalang → perubahan sosial

Adalah amat berguna untuk mengetahui bagaimana untuk membantu atau menolong OKU apabila diperlukan yang kadangkala dirujuk sebagai "etika" terhadap OKU. Tetapi, sekiranya manusia berpuas hati dengan itu maka ia tidak akan membawa kepada perubahan sosial.

Adalah penting untuk menghulurkan bantuan kepada OKU tanpa ragu-ragu apabila mereka memerlukan. Namun, walaupun reaksi seperti itu membantu OKU untuk melangkah ke hadapan, ia tidak pernah dapat memecahkan atau merobohkan tembok penghalang di dalam masyarakat. Tujuan DET adalah

untuk membuat peserta menyadari kejahatan diskriminasi dan perbezaan yang secara langsung atau tidak langsung membawa kepada pembentukan tembok penghalang. Bagi menjadikan masyarakat lebih inklusif dan tidak menyalah, adalah penting setiap peserta mencari penyebab wujudnya tembok penghalang dan membangunkan sikap proaktif untuk memecahkan tembok penghalang dalam kehidupan harian.

"Jika anda melihat bayi tenggelam pasti anda akan melompat untuk menyelamatkannya; dan jika ia berlaku dua atau tiga kali pasti anda melakukan tindakan yang serupa. Anda akan begitu sibuk menyelamatkannya dan tidak pernah melihat ke atas untuk melihat ada seseorang membuang bayi-bayi ini di sungai". (oleh Wayne Elwood, dipetik dari Kortzen, D. (1990) *Four Generation of NGO's*. Search News Oct./Dec. 1990, p. 11.)

### ***Batasan Latihan Simulasi***

Latihan Simulasi Menekankan:

- Satu aspek melibatkan fungsi, BUKAN aspek sosial
- Ketidakupayaan/kecacatan individu, BUKAN kemampuan
- Apakah itu penghalang, BUKAN mengapa ada penghalang

Simulasi latihan seperti menempatkan orang bukan kurang upaya di atas kerusi roda sambil menutup mata mereka bagi memberi pengalaman mereka bergerak sekeliling, hanya satu pengalaman kesulitan fungsi dan bukan satu pengalaman dalam menghadapi ketidaksetaraan atau diskriminasi yang terhasil daripada penyalah masyarakat. Memberi penekanan hanya pada pengalaman tersebut boleh menghadkan pemahaman 'disabiliti' dari aspek kefungsi mereka dan akan membawa kesulitan untuk menyedarkan bahawa 'disabiliti' adalah satu isu berkaitan hak dan ketidaksetaraan.

Selain itu, latihan simulasi hanya memberikan pengalaman serta-merta, ketidakupayaan yang tiba-tiba yang selalunya membawa



kepada ketidakupayaan dan disorientasi. Ini menekankan apa yang orang tidak dapat lakukan jika tiba-tiba mereka mendapat ketidakupayaan ini. Ini boleh membuat konotasi negatif di sekitar OKU, sebagai tidak mampu atau kurang mampu, walaupun hal ini tentu tidak sedemikian halnya bagi orang yang mampu hidup secara tidak bergantung (*independent*).

Memang benar bahawa latihan simulasi seperti menaiki tangga dan sebagainya boleh digunakan sebagai pengalaman menghadapi halangan fizikal. Namun, latihan simulasi sering digunakan hanya untuk mengenal pasti apa "penghalang"; dan berakhir hanya dengan mengajar para peserta bagaimana untuk membantu orang lain untuk menaiki tangga, atau bagaimana untuk menuntun orang buta. DET menekankan pentingnya menganalisis penyebab mengapa tembok penghalang tersebut dibina, dan memudahkan tindakan untuk memecahkan dan mencegah pembinaan tembok penghalang tersebut. Keterbatasan latihan simulasi juga dibahas dalam artikel dalam nota kaki.<sup>2</sup>

### ***Mengapa Model Sosial?***

Model Sosial = Jelaskan 'disabiliti' sebagai diskriminasi

Hanya Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dapat secara logiknya menerangkan perihal 'disabiliti' sebagai satu diskriminasi, tindasan dan penyisihan sosial terhadap OKU. Ia juga menerangkan berbagai-bagai halangan sosial yang menyekat penyertaan OKU.

Model Perubatan Perihal 'Disabiliti' mengandungi dua teras utama. Pertama ia membezakan manusia sama ada dipanggil


---

<sup>2</sup> French, S. (1992). "Simulation Exercises in Disability Awareness Training: A Critique." *Disability & Society* 7(3): 257-266; Kiger, G. (1992). "Disability Simulations: Logical, Methodological and Ethical Issues." *Disability & Society* 7(1): 71-78.

sebagai "normal atau abnormal"<sup>3</sup> (iaitu orang dengan ketidakupayaan/kecacatan) dengan meletakkan standard yang membezakan manusia kepada dua kumpulan ini berdasarkan kondisi fizikal mereka. Oleh kerana ia mendefiniskan "normal" sebagai kondisi/keadaan yang "sesuai/sepatutnya" maka OKU diletakkan sebagai "tidak sesuai/sepatutnya" atau "inferior". Kedua, OKU diharapkan menjadi "normal" dan "pemulihan (dalam erti sempit iaitu terapi)" dianggap sebagai satu-satunya jalan betul bagi OKU berfungsi sebagai individu "normal".

Di sudut yang lain, Model Sosial Perihal 'Disabiliti' mempunyai idea teras alternatif. Model Sosial Perihal 'Disabiliti' menjadikan ia jelas bahawa kondisi terhad fungsi manusia adalah berbeza-beza dan adalah satu kenyataan bukan semua orang boleh disebut sebagai "normal" dalam fungsi fizikal walaupun selepas sepuluh atau dua puluh tahun menjalani "pemulihan (terapi)". Oleh kerana itu, satu-satunya pendekatan untuk mewujudkan penyertaan penuh daripada semua orang kurang upaya adalah dengan menghilangkan tembok penghalang yang menjejaskan penyertaan OKU dalam masyarakat kita (Gambar Rajah 1).


### *Mengapa Perlu Pelan Tindakan*



Ada tiga sebab utama mengapa "Pembinaan Pelan Tindakan" merupakan komponen yang tak dapat dipisahkan dari DET. Pertama, DET tidak hanya bertujuan untuk memudahkan peserta untuk memahami 'disabiliti' daripada perspektif Model Sosial tetapi juga untuk memudahkan mereka untuk menjadi

---

<sup>3</sup> Terma "normal" dan 'abnormal' adalah ekspresi berbentuk diskriminasi. Walau bagaimanapun, di sini terma-terma ini digunakan dengan sengaja bagi menerangkan tentang diskriminasi masyarakat yang sebenarnya sedang berlaku.



*Gambar Rajah 1: Model Perubahan dan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'*

agen perubahan dalam melahirkan masyarakat yang adil dan inklusif. “Aku tahu” sahaja tidak cukup. Jika pembinaan pelan tindakan tidak dimasukkan secara teratur, maka ramai akan merasakan bahawa “sekarang saya faham apa itu ‘disabiliti’, tetapi saya tak tahu apa atau bagaimana nak buat”. “Saya rasa pihak kerajaan patut mengambil tindakan yang sepatutnya (bukannya saya, ia bukan kerja saya)”. Tujuan utama DET adalah untuk mereliasasikan keadilan dan kesamarataan untuk semua ahli masyarakat, bukan semata-mata menambah pengetahuan dan informasi setiap individu perihal ‘disabiliti’.

“Mengetahui” adalah tidak mencukupi. Kita harus bertindak. Tetapi apakah yang DET harapkan setiap individu lakukan selepas tamat latihan? DET mengharapkan setiap peserta mengambil langkah selanjutnya untuk berfikir dan mengambil langkah proaktif untuk memecahkan tembok penghalang yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian. Bukan setakat memberi reaksi dengan menolong kepada orang kurang upaya untuk melintas jalan atau menaiki tangga. Persekitaran, situasi

dan kebolehan setiap peserta adalah berbeza dan bukannya mengikut pelan yang telah sedia ada untuk diikuti oleh semua orang. Setiap individu perlu membuat tindakan mereka sendiri bagi memecahkan tembok penghalang. Proses ini akan menolong setiap peserta untuk mempraktikkan teori dan konsep Model Sosial yang telah mereka pelajari dalam kehidupan sosial mereka.

Serupa dengan latihan lain berkenaan diskriminasi, peserta yang bukan kurang upaya dari DET yang benar-benar memahami perihal 'disabiliti' mungkin akan rasa bersalah, dan menganggap diri mereka penindas OKU disebabkan kejahilan dan ketidaksamarataan. Sebagai tambahan, mereka akan berasa kecewa kerana tidak menyelesaikan perasaan tersebut secara konstruktif. Membuat pelan tindakan akan membantu peserta untuk mengubah diri daripada menjadi penindas kepada agen perubahan yang aktif dengan mengembangkan pelan tindakan konkrit yang boleh dicapai.

## 2. Siapakah Jurulatih DET?

Jurulatih DET	=	Pengalaman tentang 'disibiliti'	+	Pemahaman tentang Model Sosial	+	Kepakaran dalam Latihan dan Fasilitasi
------------------	---	---------------------------------------	---	--------------------------------------	---	--

Jurulatih DET	=	Pakar dalam Pendidikan berkenaan 'Disabiliti'
------------------	---	---

Hanya orang yang mempunyai pengalaman berkenaan 'disabiliti', memahami Model Sosial Perihal 'Disabiliti', mendapat latihan yang betul dan mempunyai kebolehan ber'fasilitasi' dapat menjadi jurulatih DET.

Memiliki pengalaman sendiri berkenaan 'disabiliti', iaitu mengalami diskriminasi dan penyisihan sosial sebagai garis panduan dalam Model Sosial adalah kriteria yang paling penting

dalam menjadi jurulatih DET, walau bagaimanapun ia tidak mencukupi. Adalah penting juga sekiranya dapat menggunakan perspektif Model Sosial untuk menerangkan pengalaman tersebut secara logik dan untuk merancang dan memberikan proses pendidikan untuk peserta daripada pelbagai usia dan latar belakang. Oleh itu, dua komponen asas "Melatih Jurulatih (*Training of Trainers: TOT*)" di dalam DET ialah Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dan kemahiran latihan (contohnya fasilitasi dan penyampaian). DET mengambil pendekatan pembelajaran secara berfasilitasi dan penyertaan interaktif. Jurulatih hendaklah mempunyai kemahiran berfasilitasi yang mencukupi dan juga kebolehan dalam penyampaian.

Tiada sistem penilaian rasmi untuk menilai jurulatih DET walaupun di UK. Beberapa organisasi menjalankan program latihan mereka sendiri untuk melatih Pelatih DET. Terdapat perbincangan berterusan berkenaan "Pelatih DET yang bukan daripada golongan kurang upaya". Sesetengahnya mencadangkan orang bukan daripada golongan kurang upaya untuk menjadi Pelatih DET walaupun sebahagian besar beranggapan pelatih DET sepatutnya diambil daripada golongan OKU sendiri.

### 3. Siapa yang Harus Menyertai DET?

DET adalah untuk Semua Orang	
DET adalah untuk : orang bukan kurang upaya	= memudahkan tindakan proaktif untuk menyelesaikan jurang penghalang
: OKU	= pendayaupayaan

DET adalah untuk semua orang. DET membolehkan orang berkeupayaan untuk mendapatkan perspektif model Sosial,

dan untuk mengembangkan tindakan-tindakan proaktif untuk memecahkan tembok penghalang, oleh yang demikian menyumbangkan dalam pembentukan masyarakat yang lebih baik bagi semua orang. DET juga menyediakan proses pemerksaan OKU bagi mengatasi rasa dalaman OKU berkaitan dengan rasa diskrimisai dengan membangunkan teori alternatif bagi 'disabiliti'.

#### 4. Program Latihan DET

Tujuan	: Mengetahui pasti tembok penghalang + Tindakan Proaktif
Jangkamasa	: 1/2 ke 2 hari
Metode	: Berfasilitasi dan Penyertaan Interaktif
Isi/kandungan	: Model Sosial Perihal 'Disabiliti'

##### *Tujuan*

DET mempunyai dua tujuan penting. Yang pertama adalah untuk merangsang peserta untuk mempunyai pandangan alternatif bagi mereka yang menilainya sebagai masalah sosial, iaitu untuk melalui perspektif Model Sosial Perihal 'Disabiliti'. Yang kedua adalah untuk memudahkan setiap peserta untuk mengembangkan tindakan proaktif mereka sendiri untuk memecahkan jurang sosial berdasarkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'.

##### *Jangka masa*

Minimum dua hari disarankan untuk menjalankan kursus DET secara berkesan. Hal ini juga dianjurkan untuk memiliki sesi tindakan lanjut setelah tempoh masa tertentu untuk menyokong dan memantau pelaksanaan rancangan tindakan yang dibuat oleh peserta. Namun, secara praktiknya, program setengah hari ke satu hari adalah biasa bagi program DET.

### *Kaedah*

DET mengambil pendekatan berfasilitasi dan penyertaan interaktif sebagai rangka kerja yang digunakan dalam DET. Oleh yang demikian berbagai-bagai pendekatan dan cara untuk memberi stimulasi kepada pembelajaran tersebut digunakan di dalam DET; sebagai contoh *role-play*, perbincangan, aktiviti, khemah kerja dan permainan. Rajah di sebelah menjelaskan dengan baik perbezaan-perbezaan kesan dalam proses pembelajaran. Cuba masukkan kata perbuatan ke dalam kurungan. Jawapan ada di nota kaki.<sup>4</sup>

Jika saya MENDENGAR itu,    Jika saya (A1) itu,    Jika saya (B1) itu,    Jika saya (C1) itu
Saya akan LUPA.                      Saya akan (A2)    Saya akan (B2)    Saya akan (C2)

David Werner & Bill Bower (1982) *Helping Health Workers Learn*, Hesperian Foundation, Palo Alto, (Part Two-1).

### *Isi kandungan*

Tidak ada piawaian di dalam isi program DET. Semua isi program DET dibuat untuk membantu peserta memahami 'disabiliti' melalui perspektif Model Sosial dan mendorong mereka untuk menjadi agen perubahan dalam merealisasikan masyarakat yang inklusif.

Namun, isi konkrit DET bagi setiap program harus diubah suai setiap kali, bersesuaian dengan keperluan, jenis dan jumlah peserta. Penjelasan secara teori berkenaan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' adalah berlawanan dengan Model Perubatan yang mungkin menjadi kandungan penting bagi profesional yang terlibat dengan pemulihan seperti fisioterapi, sementara aktiviti dan permainan untuk mengenal pasti jurang sosial mungkin lebih berkesan untuk anak-anak sekolah.

---

<sup>4</sup> A1 (lihat), A2 (ingat), B1 (buat), B2 (tahu); C1 (temui), C2 (guna).

### *Isi Kandungan Tipikal DET*

#### *Tembok Penghalang*

Satu kesempatan bagi peserta untuk mengeksplorasi apakah yang dimaksudkan dengan 'disabiliti' dari segi sikap, persekitaran dan sistem yang dialami oleh semua OKU. Sebagai contoh sikap negatif, kekurangan akses, diskriminasi dalam pengangkutan, perumahan dan perkhidmatan lain.

#### *Perbezaan Model Sosial dan Perubatan Perihal 'Disabiliti'*

Dalam rangka untuk memahami proses-proses yang menyebabkan ketidaksetaraan, diskriminasi dan 'disabiliti', OKU telah menafsirkan semula 'disabiliti' menggunakan pengalaman mereka secara langsung sebagai dasar kepada Model Sosial perihal 'Disabiliti'. Salah satu tugas pertama dan berterusan daripada jurulatih ialah menjauhkan masyarakat daripada tradisi Model Sosial Perihal 'Disabiliti' kepada pendekatan sosial.

#### *Orginasasi OKU Sendiri*

Sejarah Memperkasakan Orang Kurang Upaya, perbezaan antara organisasi "Persatuan OKU" sendiri dan "persatuan untuk OKU" serta kempen dan masalah-masalah tipikal.

#### *Terminologi*

Kata-kata dan ungkapan yang digunakan untuk menggambarkan OKU dan apa kesannya terhadap sikap dan kehidupan mereka. Adalah penting bagi peserta untuk menerokai pemahaman mereka berkenaan bahasa, imaginasi dan idea-idea yang berkaitan mereka – adalah sukar untuk memisahkan bahasa daripada idea dan imaginasi.



### *Hak dan Peluang Kesamarataan*

Dengan menggunakan Model Sosial jelas di mana berlaku diskriminasi dan apakah tindakan yang perlu diambil untuk membanterasnya. 'Disabiliti' adalah isu kesamarataan dan hak – Model Sosial mengakui bahawa ia bukan masalah individu tetapi kegagalan masyarakat untuk mengakui hak-hak OKU adalah penyebab ketidaksamarataan tersebut berlaku.

### *Penindasan*

Untuk menerima hakikat bahawa OKU mungkin menghadapi beberapa penindasan, dan dengan memahami 'disabiliti' dari sudut Model Sosial, OKU boleh berhubung dengan kumpulan yang lain di mana biologi mereka telah digunakan bagi menjustifikasi penyisihan mereka seperti orang kulit hitam, perempuan, gay dan lesbian.

### *Stereotaip dan Perumpamaan OKU*

Imej OKU dalam masyarakat, bagaimana mereka dilihat, dan digambarkan di media, dan khususnya gambaran yang seimbang dari segi foto-foto berkenaan 'disabiliti' hendaklah bersesuaian, sebagaimana yang digambarkan oleh seni, tulisan, puisi, fotografi dan muzik orang kurang upaya sendiri.

### *Isu Semasa 'Disabiliti'*

Adalah sangat penting untuk dapat menyampaikan isu-isu penting semasa dan relevansinya terhadap kesedaran peserta, tidak kurang juga untuk mengilustrasikan kepentingan DET kepada kehidupan yang sebenar dan pengalaman harian OKU.

*Pelan Tindakan untuk Perubahan*

Untuk memberikan peluang bagi peserta untuk mempertimbangkan bagaimana sikap, tindakan dan amalan kerja dapat dengan mudah diubah untuk mengurangkan diskriminasi dan halangan terhadap OKU.

Topik tambahan mungkin termasuk hidup berdikari, pendidikan induksi ke arah penglibatan dalam masyarakat, dan isu-isu berkaitan pekerjaan.

*Contoh Kursus DET: Kursus Setengah Hari*

<i>Tempoh:</i>	<i>Jadual</i>	
Setengah Hari	Waktu	Isi
<i>Tujuan:</i>	9.30	Kata-kata aluan dan pengenalan
- Untuk mengkaji halangan-halangan yang dialami oleh OKU dari masyarakat, yang bertentangan dengan Model Perubatan Perihal 'Disabiliti'.	9.45	'Disabiliti' bererti ....? Satu kesempatan untuk mengeksplorasi sejauh manakah kita benar-benar memahami 'Disabiliti' dan OKU.
- Untuk melahirkan pemahaman praktikal tentang penggunaan bahasa yang melemahkan dan memperkasakan OKU.	10.45	Rehat
- Untuk mengenal pasti peluang dan tanggungjawab untuk perubahan individu dan organisasi.	11.00	Tembok Penghalang/ Jalan Penyelesaian Satu kertas kerja menyoroti halangan yang dihadapi oleh OKU dengan kesempatan untuk membincangkan bentuk penyelesaian dan mendalami perbezaan antara pandangan tradisi perihal 'disabiliti' - Model Perubatan/Individu dan Model Sosial.
	12.00	Bahasa – Apa bezanya? Satu kesempatan untuk membincangkan kepentingan terminologi dan untuk menilai perbezaan kata-kata yang digunakan untuk menggambarkan OKU & pengalaman mereka.
	12.30	Perubahan ke arah yang lebih baik - Satu kesempatan bagi peserta untuk mempraktikkan apa yang dipelajari hari ini.
	1.00	Bersurai

(Dikembangkan oleh Liz Carr dan Paul Darke)

(Dikembangkan oleh Liz Carr dan Paul Darke)

## **5. Kesimpulan**

Persepsi kebanyakan terhadap OKU sangat dipengaruhi oleh gagasan Model Perubatan yang berakar umbi dan dikaitkan pula dengan kapitalisme dan meritokrasi yang mendominasi nilai-nilai dalam masyarakat dunia ketika ini. Oleh kerana itu, ia bukan semata-mata model, tetapi merupakan elemen yang penting dari nilai asas standard, yang mustahil untuk diubah dengan menghadiri kursus untuk setengah ke satu hari. Apa yang DET boleh lakukan ialah menyediakan peluang kepada peserta-peserta untuk memikirkan secara kritikal berkenaan 'disabiliti', dan melihatnya melalui perpesktif yang lain. DET boleh membantu untuk mereka terus berfikir dengan mengajukan permasalahan dan menyediakan kaedah untuk menilai 'disabiliti' dan isu-isu yang dihadapi oleh OKU.

## Bahagian 2

### Buku Panduan DET

Kevin McLaughlin

#### Pengenalan

Panduan ini disusun oleh Kevin dan Lucia McLaughlin untuk dijadikan bahan rujukan bagi peserta yang mengikuti kursus latihan yang dianjurkan oleh JICA bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM).

Sila ambil perhatian bahawa latihan-latihan yang digunakan adalah sebagai panduan untuk mengendalikan sesi Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training*) dan bukan sebagai sesuatu yang patut diikuti. Sebaliknya, peserta akan digalakkan untuk mewujudkan bahan rujukan baharu yang lebih sesuai dengan rantau atau budaya mereka sendiri.

Sebahagian daripada panduan ini telah dihasilkan dahulu oleh Arts Council of Northern Ireland dan disusun oleh Kevin McLaughlin sebagai sebuah dokumen bertajuk "*Towards Inclusion*". Ini boleh didapati daripada [www.acni.org](http://www.acni.org).

Bahan rujukan lain diperoleh daripada sesi latihan yang dijalankan oleh Susan Hemmings bagi orang kurang upaya di Northern Ireland sebagai sebahagian daripada projek untuk memperkenalkan konsep Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training*). Kami amat terutang budi kepada Susan kerana memberi kebenaran untuk menggunakan bahan tersebut.

Bahagian Satu mengandungi jadual kursus, tujuan, objektif dan latihan untuk menjanakan perbincangan mengenai persepsi umum mengenai Perihal 'Disabiliti'. Bahasa dan Istilah, Definisi Kecacatan serta perbandingan antara Model Perubatan dan Model Sosial. Bahagian ini telah disediakan bersama nota untuk memudahkan kegunaannya oleh jurulatih kursus. Bahan edaran bagi peserta yang terdapat dalam bahagian ini telah dimasukkan ke dalam Buku Latihan dalam Bahagian Kedua.

Persembahan dalam bentuk *power-point* untuk digunakan bersama panduan ini terdapat dalam bentuk disk.

*Disability Rights Commission* telah menghasilkan sebuah video bertajuk "*Talk*" yang boleh digunakan bersama panduan latihan ini untuk menegaskan isu diskriminasi yang diliputi, sila lihat [www.drc-gb.org](http://www.drc-gb.org).

Satu lagi sumber maklumat ialah daripada *Disabled Peoples International Europe* yang telah menghasilkan panduan bertajuk *Bioethics, Human Rights and Discrimination Against Disabled People*, lihat [www.dpi.org](http://www.dpi.org).

## **Rangka Sesi Latihan Perihal 'Disabiliti'**

### ***Tujuan Kursus***

Untuk membolehkan kakitangan memahami isu kecacatan berdasarkan Model Sosial dan untuk mengenal pasti bidang di

dalam organisasi/tempat mereka sendiri yang dapat diubah demi menggalakkan penyertaan OKU.

***Objektif kursus***

1. Untuk mengenal pasti perkataan/istilah yang boleh menyinggung orang kurang upaya dan untuk menggunakan istilah yang lebih sesuai (yang dapat diterima).
2. Untuk mengkaji semula serta mengubah sikap dan tahap kesedaran mengenai Perihal 'Disabiliti'.
3. Untuk mengkaji secara kritis Model Perubatan Perihal 'Disabiliti' dan memperkenalkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'.
4. Untuk mengenal pasti bidang di mana perubahan boleh dilakukan dan untuk mewujudkan pelan tindakan bagi melaksanakan perubahan tersebut.

***Jadual Kursus Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti'***

Masa	Pengisian
10.00	Latihan Orang Ternama Kesedaran Perihal 'Disabiliti' /Latihan Kesamarataan Bahasa dan Istilah Sikap dan Kesedaran
11.15	Rehat
11.30	Model Perubatan/Model Sosial Tindakan untuk Perubahan Penilaian
13.00	Tamat

## **Bahagian 2.1: Nota Jurulatih Kursus**

### *Pengenalan*

(Bahan edaran: Matlamat dan Objektif)

Anda harus:

Memperkenalkan diri—memaklumkan bahawa anda akan menjadi fasilitator bagi bengkel sehari tersebut. Menerangkan bahawa peranan anda bukanlah sebagai jurulatih tetapi hanya untuk membimbing perjalanan bengkel dengan memastikan kesemua peserta menyertai perbincangan isu-isu berkenaan.

Maklumkan tujuan dan objektif sesi latihan—edarkan Bahan Edaran. Pada ketika ini anda juga boleh menerangkan jadual waktu serta corak latihan, misalnya bertugas secara kumpulan kecil, maklum balas dan sebagainya. Juga penting untuk menegaskan beberapa isu praktikal misalnya kemudahan tandas, tindakan semasa berlakunya kecemasan kebakaran.

Perkenalkan diri kepada peserta dan juga antara satu sama lain – ini boleh dilakukan sebagai aktiviti permulaan. Bahagikan kumpulan secara berpasangan. Minta peserta memilih seorang yang tidak dikenali dan berkongsi bersama yang berikut:

- Nama anda
- Anda berasal dari mana
- Apakah jenis kerja/aktiviti komuniti yang anda terlibat
- Suatu ciri yang ada pada anda yang tidak diketahui ramai

Kemudian, dalam kumpulan besar minta setiap peserta memperkenalkan kawan yang baru dikenali itu.

Senaraikan perjanjian kursus—ini adalah penting sebab ia akan menetapkan landasan bagi perjalanan sesi latihan kumpulan. Isu praktikal seperti merokok, ketepatan kehadiran dan permulaan, isu kerahsiaan, hormat-menghormati serta cara bagaimana



percanggahan pendapat dan perbezaan pandangan harus ditangani, akan dipersetujui di sini. Kesemua ini harus ditulis pada kertas *flip chart* dan dipamerkan di dinding sepanjang tempoh bengkel latihan. Anda mungkin perlu membincangkan kemungkinan mengkaji semula perjanjian tersebut serta mem-persetujui cara bagaimana ia akan dilakukan.

Isu-isu praktikal:

- Waktu rehat
- Waktu makan
- Waktu minum
- Jam tamat

### ***Latihan 1: Latihan Orang Ternama***

(Bahan Edaran: Latihan 1)

Anda perlu:

- Membahagikan peserta secara pasangan.
- Minta peserta meneliti senarai nama orang ternama dan mengenal pasti yang mana OKU.
- Minta peserta menyatakan jenis kecacatan, sekiranya tahu, yang terdapat pada seseorang itu.
- Adakan sesi maklum balas dengan peserta.
- Terangkan bahawa anda akan mewujudkan suatu definisi bagi Perihal 'Disabiliti' kelak yang berbeza daripada model Perubatan Perihal 'Disabiliti'.

Latihan ini adalah berdasarkan pada apa yang dicipta oleh Barbara Lisicki dan mempunyai dua tujuan:

- Ia adalah suatu cara yang baik untuk memulakan dan membolehkan pengajar menilai tahap kesedaran dalam kalangan peserta mengenai isu berkaitan kecacatan.
- Ia membolehkan pengajar menerangkan bahawa dalam sesi latihan kelak dia akan memperkenalkan suatu definisi yang berlainan daripada Model Perubatan Perihal 'Disabiliti'.

Latihan Orang Ternama	Jawapan
Julius Caesar	Epilepsi
John Cleese	Masalah kesihatan mental
Bill Clinton	Cacat Pendengaran
Tom Cruise	Dyslexia
Daniel Day Lewis	Masalah kesihatan mental
Albert Einstein	Dyslexia
Stephen Hawking	Penyakit Motor Neuron
Steve Redgrave	Dyslexia/Diabetes
Christopher Reeve	Kecederaan Spina
Franklin Delano Roosevelt	Polio
Vincent Van Gogh	Masalah kesihatan mental
Stevie Wonder	Buta

***Latihan 2: Latihan Kesedaran Perihal Disabiliti vs. Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti'***

(Bahan Edaran: Latihan 2.1 & 2.2 )

*Tujuan:*

Untuk memaklumkan kepada peserta perbezaan antara Latihan Kesedaran Perihal 'Disabiliti' dan Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti'.

Paparkan *flip chart* yang telah disediakan yang menunjukkan perbezaan di antara kedua-dua jenis latihan tersebut. Bacakan satu per satu kepada peserta.

*Nota:*

Bahagian ini adalah amat penting dan harus dijalankan pada awal latihan kerana ia ada kaitan dengan sebahagian besar latihan yang akan dijalankan kelak.

Berikan kepada peserta juga bahan edaran mengenai Nilai Dasar Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Value Base of Disability Equality Training*).

### ***Latihan 3: Latihan Sikap dan Kesedaran***

(Bahan Edaran: Latihan 3)

Bahagikan peserta secara pasangan dan minta mereka memberi komen mengenai kenyataan sama ada betul atau salah. Mereka perlu menerangkan mengapa ia betul atau salah.

(Bahan Edaran 3)

#### *Latihan Sikap dan Kesedaran*

---

S 1 Majoriti OKU menggunakan kerusi roda. Salah  
– Kurang daripada 10% OKU menggunakan kerusi roda. Di antara ini, lebih kurang 3% menggunakan kerusi roda sepanjang hari.

---

S 2 Anda tidak patut menyebut, "Saya harus angkat kaki Sekarang", atau "jumpa kemudian" kepada OKU Salah  
– Orang kurang upaya juga menggunakan bahasa biasa seperti anda, jadi tidak perlu terlalu berhati-hati justeru perbualan dengan OKU tidak spontan.

---

S 3 70% daripada OKU yang mampu bekerja Betul menganggur.  
– Kebanyakan OKU yang ingin bekerja tidak berjaya mendapat kerja. Ini adalah sebab mereka menghadapi diskriminasi. Kebanyakan majikan berpendapat OKU akan banyak mengambil cuti sakit.

---

S 4 Menggerakkan bibir secara keterlaluan apabila Salah bercakap akan membantu seorang yang dapat membaca gerak bibir memahami apa yang dituturi oleh anda.  
– Jangan terlalu menggerakkan bibir sebab ini akan mengubah pola pergerakan bibir sehingga tidak dapat difahami langsung oleh orang yang menatapinya.

---

Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

S 5	Apabila berjumpa dengan orang buta memperkenalkan diri anda. – Jangan anggap bahawa seorang buta akan mengenali anda secara automatik atau mengenali suara anda daripada pertemuan (terdahulu) sebelum itu.	Betul
S 6	Semua orang buta suka bercermin mata hitam. – Ini adalah suatu anggapan stereotaip, dipopularkan dalam dunia filem tahun 50-an dan oleh ahli muzik seperti Stevie Wonder.	Salah
S 7	Apabila bercakap dengan orang yang memakai alat bantu pendengaran, anda harus bercakap dengan suara yang kuat. – Anda tidak perlu bersuara kuat apabila bercakap dengan orang yang memakai alat bantu pendengaran.	Salah
S 8	Apabila membantu OKU anda selalu harus tanya mereka tentang kekurangan mereka. – Jangan tanya soalan peribadi atau yang boleh menyinggung perasaan seseorang. Kekurangan seseorang adalah hal peribadi dan bukan perkara bagi perbincangan umum.	Salah
S 9	Tandas yang mesra OKU memerlukan kunci khas untuk membukanya. – Dua-dua boleh jadi. Adalah polisi kebanyakan syarikat untuk mengunci tandas yang mesra OKU. Kebanyakan pasar raya menempatkan tandas mesra OKU bersama tandas biasa dan ia tidak dikunci. Di UK, "skim kunci RADAR" iaitu kunci bersifat sejagat berharga £3.00 boleh digunakan untuk membuka pintunya sekiranya syarikat berkenaan melanggan kepada skim ini.	Betul & Salah

- |       |   |       |
|-------|---|-------|
| S 10  | Sekiranya orang pekak tidak memahami apa anda cakap kali pertama, anda harus mengulanginya berkali-kali sehingga mereka faham. <ul style="list-style-type: none"><li>- Anda boleh mengulanginya sekali. Sekiranya mereka masih tidak faham anda harus mengulanginya dengan menggunakan perkataan yang lain jika perlu.</li></ul>  | Salah |
| <hr/> |   |       |
| S 11  | Mereka yang mengalami penyakit mental kemungkinan besar berbahaya dan kelakuan mereka tidak dapat diduga <ul style="list-style-type: none"><li>- Mereka bukanlah lebih berbahaya daripada anda atau saya. Pihak media telah mengsensasikan kejadian yang menyebabkan orang awam mengitlakkan semua kes.</li></ul>   | Salah |
| <hr/> |   |       |
| S 12  | Pendengaran orang buta lebih baik berbanding orang celik. <ul style="list-style-type: none"><li>- Orang buta mungkin lebih bergantung kepada deria lain dan belajar menggunakannya dengan lebih sempurna, tetapi ini tidak bermakna daya pendengaran mereka lebih tinggi.</li></ul>   | Salah |
| <hr/> |   |       |
| S 13  | Usia mental mereka yang mempunyai Sindrom Down tidak lebih daripada 10. <ul style="list-style-type: none"><li>- Masalah pembelajaran berbeza daripada seorang ke seorang, seperti juga bagi mereka yang tidak mengalami keadaan Sindrom Down. Adalah salah untuk membuat andaian berdasarkan kekurangan seseorang.</li></ul>  | Salah |
| <hr/> |   |       |
| S 14  | Semua orang pekak boleh membaca gerak bibir. Bukan semua orang yang ada masalah pendengaran diajar membaca gerak bibir. <ul style="list-style-type: none"><li>- Kaedah membaca gerak bibir bukanlah cara yang pasti untuk memahami apa yang dipertuturkan, kerana seseorang yang mahir membaca gerak bibir hanya dapat memahami 50% daripada apa yang dipertuturkan dan yang baki hanya</li></ul> | Salah |

agakan sahaja. Bunyi dihasilkan di belakang, tengah dan bahagian depan tekak dan bukannya di bibir.

- 
- S 15 Sekiranya seseorang mengalami serangan epilepsi, anda harus letakkan sesuatu benda ke dalam mulutnya. Salah
- Jangan mengusik seseorang yang mengalami epilepsi – dengan mencuba memasukkan sesuatu ke dalam mulutnya boleh menyebabkan giginya patah, tercekik pada benda tersebut atau tergigit lidahnya.
-

#### ***Latihan 4: Latihan Kuasa Perkataan***

(Bahan Edaran: Latihan 4.1 & 4.2)

##### *Tujuan:*

Untuk membincangkan istilah yang digunakan bagi menghuraikan orang kurang upaya serta menegaskan istilah yang disenangi OKU.

Bahagikan peserta secara berpasangan dan minta mereka meneliti senarai perkataan dan sebutkan sama ada perkataan/istilah itu menggambarkan imej positif atau negatif atau tidak kedua-duanya. Juga minta mereka menerangkan sebab mengapa dinyatakan demikian.

##### *Latihan Kuasa Perkataan – Jawapan*

Lihat perkataan-perkataan berikut dan tanya diri sendiri sama ada ia menggambarkan imej positif atau negatif.

##### *Wheelchair Bound: Negatif*

Orang kurang upaya lebih selesa dengan istilah 'Peguna Kerusi Roda', oleh kerana mereka tidak "tertambat" pada kerusi roda seperti yang dimaksudkan oleh perkataan dalam bahasa Inggeris itu.

##### *Golongan Cacat: Negatif*

Ini seolah-olah melabelkan orang di bawah satu kumpulan misalnya golongan Perancis, golongan Jerman.

##### *"Cripple" : Negatif*

Suatu istilah yang digunakan pada zaman Victoria (di UK) tetapi kini digunakan secara 'memandang rendah'.

##### *"Invalid": Negatif*

Dalam bahasa Inggeris sekiranya perkataan diasingkan "invalid" ia bermakna tidak ada nilai.



*Integrasi: Positif*

Integrasi bermakna ia merangkumi kesemua orang dan keperluan kesemua dipenuhi.

*Spastik: Negatif*

Istilah perubatan tetapi kini digunakan secara 'memandang rendah'.

*Handicapped: Negatif*

Perkataan Inggeris ini merupakan istilah yang berasal dari zaman Victoria (di England) di mana ia digunakan untuk menghuraikan pengemis yang memegang topi dalam tangan (*cap-in-hand*) untuk meminta sedekah.

*Orang Bermasalah Pembelajaran: Positif*

Mereka yang mengalami masalah pembelajaran sendiri yang memilih istilah ini. Ia menghuraikan masalah yang dihadapi oleh mereka dan penyelesaiannya ialah dengan menyesuaikan melalui cara yang berlainan.

*Pesakit Mental: Negatif*

Dikaitkan dengan perkataan gila dan berbahaya. Orang yang menghadapi masalah mental lebih suka dikenali sebagai 'survivor' sistem psikiatrik.

*Penderita: Negatif*

Biasanya OKU tidak menderita kecuali sekiranya dia dikuasai oleh orang jahil yang suka menyakiti atau mencederakan. OKU mempunyai sesuatu kekurangan yang diterima sebagai hakikat dalam hidup mereka.

*Keperluan Khas: Negatif*

Kita semua mempunyai keperluan yang sama—untuk makan, minum, tidur serta bergerak ke sana sini. OKU berasa ketinggalan sekiranya keperluan mereka tidak dipenuhi. Mereka memerlukan keperluan asas dalam kehidupan seharian, bukan sesuatu yang 'khas'.

*Spina Bifida: Tidak kedua-duanya*

Ini adalah istilah yang digunakan untuk keadaan yang dialami dan ia bukan positif atau negatif. Keadaan itu adalah kesan daripada kekurangan.

*Berdikari: Positif*

OKU telah lama berjuang untuk hidup berdikari dengan bantuan yang diperlukan dan dengan keupayaan untuk membuat pilihan sendiri serta mempunyai hak yang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

*Orang Kurang Upaya: Positif*

Ini adalah istilah yang dipilih oleh OKU sendiri. Ia berdasarkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' bahawa kekurangan pada diri dicampur dengan faktor yang menghalang menjadikan seseorang itu OKU.

Pada *flip chart* yang anda ada, tuliskan Perhitungan seperti yang diuraikan di bawah, yang telah disusun oleh Susan Hemmings, yang menerangkan bagaimana faktor yang menghalang harus dihapuskan untuk membolehkan penyertaan sepenuhnya.

## PERHITUNGAN

Ketidakupayaan	+	Faktor Penghalang	=	'Disabiliti'
Orang dengan ketidakupayaan	+	Mengalami Faktor Penghalang	=	OKU

### ***Latihan 5: Hak***

(Bahan Edaran: Latihan 5.1 & 5.2)

Oleh kerana Model Sosial berdasarkan pendekatan hak, adalah penting untuk anda membuat tugasan berdasarkan hak. Salah satu caranya ialah dengan menggunakan latihan yang telah dihasilkan oleh Susan Hemmings.

#### *Tujuan*

Tujuan latihan ini adalah untuk mengenal pasti perhubungan di antara Hak Asasi Manusia dan Hak Sivil, serta peruntukan dan bagaimana ia mengukuhkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'.

Anda perlu memberi kaitan di antara Kesedaran Perihal 'Disabiliti' / Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' dengan bahagian ini mengenai Hak, misalnya "Sekarang kita telah melihat apa itu Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' dan kini kita akan meneroka apakah Hak OKU dan hak Orang Bukan OKU. "

Anda perlu membaca semua bahan rujukan mengenainya supaya dapat menerangkan apa itu hak dan menjawab soalan-soalan mengenainya. Suatu tip yang berguna adalah untuk menyimpan salinan contoh jawapan bersama anda.

### **HAK KAMI SEBAGAI OKU**

#### *Kami mempunyai hak asasi manusia*

Ini bermakna kami juga manusia dalam erti kata sebenarnya — taraf sebagai manusia tidak berkurang disebabkan kekurangan atau perbezaan, bukan lebih teruk daripada manusia, atau seperti binatang; kami juga penting seperti juga manusia lain. Dalam konteks itu kita bukanlah khas (ganjil), dan tidak berlainan daripada manusia lain.

Hak asasi manusia bermakna kami juga ada hak yang sama seperti orang lain.

Contoh: makanan, perumahan, kebebasan bersuara, kebebasan daripada penderaan dan ketidakadilan, kebebasan daripada diskriminasi.

### *Kami ada Hak Sivil*

Hak sivil ada kaitan dengan kewarganegaraan—anggota masyarakat. Ia melindungi kita sebagai individu dan sebagai makhluk sosial. Sebagai OKU kami harus mempunyai hak sivil yang penuh.

Contoh: Hak untuk mengundi serta menyertai perbicaraan politik, akses kepada pengangkutan, pemilihan sekolah, akses ke tempat kunjungan orang ramai dan sebagainya. Kesemuanya dengan tidak menghadapi diskriminasi. Hak sivil, seperti juga hak asasi manusia, adalah berdasarkan idea bahawa kami patut dilayan sama seperti orang bukan OKU kerana kami mempunyai nilai yang sama dalam masyarakat.

### *Kelayakan*

Sebagai OKU kami mahu layanan yang saksama, yang kadangkala bererti bahawa kami memerlukan layanan yang berbeza daripada orang bukan kurang upaya. Terdapat banyak undang-undang (di United Kingdom) yang meliputi hak-hak tersebut.

Suatu contoh di United Kingdom adalah 'Community Care Act 1990' yang memberi OKU kelayakan kepada penilaian mengenai keperluan mereka.

Sebab kelayakan ini diadakan adalah untuk memampas sekurang-kurangnya layanan tidak adil terhadap OKU bertahun-tahun contohnya—oleh kerana kemudahan perumahan, peralatan dan peluang pekerjaan tidak diberikan kepada OKU seperti mana ia diberikan kepada orang bukan OKU.

Pandangan masyarakat yang menganggap kami mempunyai keperluan “khas” (iaitu tidak normal) bererti kelayakan bagi kami dilihat sebagai menampung “kekurangan” yang ada pada kami—selalunya kekurangan fizikal atau mental—dan bukan untuk mengubah pandangan masyarakat supaya menyertakan kami sebagai anggota masyarakat sepenuhnya. Ia dilihat sebagai yang kuat (orang bukan OKU) “menjaga” yang lemah (OKU).

Kelayakan di bawah undang-undang membantu OKU memperoleh hak asasi manusia dan hak sivil, tetapi secara dari belakang ke hadapan!

#### *Latihan Mengenai Hak*

1. Beri kepada setiap peserta Bahan Edaran Hak (Bahan Edaran 5.1 & 5.2).
2. Pada *flip chart* yang disediakan berikan contoh hak asasi manusia dan hak sivil. Huraikannya secara ringkas.
3. Bahagikan peserta kepada tiga atau empat kumpulan, berdasarkan jumlah peserta. Minta mereka membincangkan setiap kenyataan A, B, dan C pada Bahan Edaran 5.1.
4. Beri kepada setiap kumpulan *flip chart* yang sudah disediakan. Minta mereka memilih seorang untuk menulis jawapan pada *flip chart* dan melantik seorang lagi untuk memberi maklum balas kepada kumpulan besar.

*Flip chart* – yang sudah disediakan

**Hak Asasi Manusia**

*Contoh:*

Makanan

Perumahan

Kebebasan bersuara

Bebas daripada diskriminasi

**Hak Sivil**

*Contoh:*

Hak untuk mengundi

Akses kepada kemudahan pengangkutan

Pilihan sekolah

Akses ke tempat awam

*Flip chart* – yang sudah disediakan

LATIHAN HAK

Kumpulan \_\_\_\_\_

Hak jenis apa?

Ada terdapat dalam undang-undang?

A

B

C

*Berikan 20 minit bagi latihan ini dan kemudian kembali kepada perbincangan secara kumpulan besar untuk sesi maklum balas.*

Untuk ini anda harus mempunyai kesedaran mengenai hak OKU, membaca kesemua bahan bacaan tambahan dan juga jawapan contoh.

1. Kekalkan peserta dalam kumpulan mereka. Minta setiap kumpulan memberi maklum balas daripada maklumat yang terdapat pada *flip chart*, secara bergiliran.
2. Catatkan jawapan mereka pada *flip chart* anda. Jawapan betul harus ditulis dengan HURUF BESAR untuk membezakan daripada yang lain. (lihat contoh jawapan).
3. Terangkan kepada kumpulan-kumpulan yang kita adalah sama bagi A dan B, dan bagaimana kita berbeza bagi C. Tuliskan semua ini juga pada *flip chart*.
4. Akhirnya pamerankan *flip chart*, yang menunjukkan perhitungan hak OKU dan menerangkan bahawa apa sahaja yang ditolak daripada perhitungan ini akan mengakibatkan penganiayaan hak.

*Pada detik ini rehat selama 15 minit.*

#### *Latihan Hak – Contoh Jawapan*

- A) Hak kemanusiaan, tidak ada bezanya, biasa, global, sejagat, moral semula jadi, naluri, bersemangat, perasaan, emosi, kemarahan dan penghinaan.
- B) Yang lain, merangkumi rakyat jelata, perundangan, hak sivil, bermasyarakat, rakyat, negara dan sosial.  
A dan B menunjukkan bahawa kita adalah sama
- C) Perundangan, perkhidmatan sosial, budi bicara, syarat, penilaian, kebajikan, perbezaan, kelayakan.

'C' Menunjuk dengan jelasnya bagaimana OKU berbeza

*Perhitungan Hak*

Hak Asasi Manusia + Hak sivil + Kelayakan = Hak OKU

Apa sahaja yang ditolak = Penganiayaan hak



***Latihan 6: Model Perubahan dan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'***

(Bahan Edaran: Latihan 6.1 & 6.2)

*Tujuan:*

Untuk menerangkan mengapa pemahaman Model Sosial Perihal 'Disabiliti' penting untuk menggalakkan perubahan dan untuk menunjukkan perbezaan di antara Model Sosial dan Perubahan.

Pada *flip chart* tunjukkan 'Mengikuti Model Perubahan' dan 'Mengikuti Model Sosial'. Apabila membaca hujah-hujah yang disenaraikan di bawah Mengikuti Model Perubahan terangkan bagaimana ia ditumpukan kepada diri OKU.

Semasa menerangkan Mengikuti Model Sosial rujuk kepada Perhitungan Kekurangan campur Faktor Penghalang menimbulkan Perihal 'Disabiliti'.

Mengikuti Model Perubahan:

- ☹ Andalah masalahnya.
- ☹ 'Kecacatan' anda perlu diubati atau disembuhkan.
- ☹ Anda tidak boleh membuat keputusan sendiri mengenai cara kehidupan anda.
- ☹ Anda memerlukan ahli profesional untuk menjaga anda.
- ☹ Mustahil untuk anda menyamai kedudukan seperti orang lain yang bukan OKU.

Mengikuti Model Sosial:

- ☺ 'Kecacatan' bukan masalah individu.
- ☺ Kami tidak dapat bersaing pada tahap yang sama sebab terlalu banyak halangan dan kekangan.
- ☺ Kami perlu menyedari bahawa "masyarakat", (melalui kerajaan serta agensinya), bertanggungjawab menghapuskan halangan-halangan tersebut.
- ☺ OKU mempunyai hak-hak yang sama seperti rakyat lain.

***Latihan 7: Latihan Kim***

(Bahan Edaran: Latihan 7)

*Tujuan:*

Latihan ini digunakan untuk menunjukkan perbezaan di antara Model Sosial dan Model Perubatan.

Minta dua orang daripada kumpulan membaca dengan suara lantang bahan edaran, seorang untuk membaca cetakan yang kurang terang dan seorang lagi untuk membaca cetakan yang lebih tebal. Terangkan bahawa satu adalah sikap profesional manakala yang satu lagi adalah sikap keluarga dan rakan OKU.

Ini boleh diikuti dengan perbincangan mengenai perbezaan antara Model Perubatan dan Model Sosial.

### *Latihan 8: Model Perubatan dan Sosial – Latihan Menulis Semula*

Latihan ini adalah antara latihan yang dihasilkan oleh Greater Manchester Coalition of Disabled People untuk mengajar OKU remaja mengenai hidup berdikari.

Tujuan latihan ini adalah untuk melihat sama ada peserta memahami perbezaan di antara Model Perubatan dan Sosial. Sebelum membahagikan peserta kepada kumpulan-kumpulan kecil, bacakan dengan suara lantang ayat yang berikut:

- John tidak pergi ke pawagam yang berhampiran kerana dia pekak dan bisu lalu tidak akan dapat memahami filem tersebut.

Terangkan bahawa ini ditulis mengikut Model Perubatan dan sekiranya ia ditulis semula mengikut Model Sosial tumpuannya akan berubah daripada memfokus pada John kepada masalah di mana pawagam harus mencari penyelesaiannya seperti berikut:

- John tidak pergi ke pawagam yang berhampiran kerana filem-filemnya tidak ada sarikata.

Bahagikan peserta dalam kumpulan kecil dan minta mereka menulis semula ayat-ayat berikut untuk maklum balas dalam kumpulan besar:

- a) Peter, yang berusia 24 tahun menderita kerana penyakit *muscular dystrophy*, terpaksa tinggal bersama ibu bapanya kerana ia perlu penjagaan rapi dan rumahnya diubah suai khas.
- b) Vicky, berusia 14 tahun dan adalah mangsa spina bifida, tidak dapat pergi ke sekolah bersama rakan karibnya kerana

ia terpaksa menggunakan kerusi roda dan harus menaiki bas khas.

- c) Alice, berusia 17 tahun dan buta, tidak dibenarkan pergi menonton perlawanan bola sepak kerana ibu bapanya berpendapat bahawa anak mereka akan tercedera dalam kesesakan penonton, dan juga ia tidak dapat memahami permainan itu.

***Latihan 9: Model Sosial***

(Bahan Edaran: Latihan 9.1, 9.2 & 9.3)

Selepas menjalankan sesi maklum balas dengan kumpulan mengenai aktiviti menulis semula ayat, gunakan *flip chart*, *acetate* atau *power-point* yang menunjukkan perkara utama Perihal 'Disabiliti' berdasarkan Model Sosial, (Bahan Edaran 9.1). Bacakannya kepada kumpulan.

Susuli dengan slaid Mengapa Model Sosial Menyokong Penilaian yang Berdasarkan Keperluan, (Bahan Edaran 9.2).

Akhirnya tunjukkan Gambar Rajah Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dan menerangkan setiap perkara. (Bahan Edaran 9.3).

Selepas menerangkan 3 slaid ini tanya kalau ada komen. Ini akan membantu anda menilai sama ada peserta sudah memahami konsep Perihal 'Disabiliti' berdasarkan Model Sosial.

Pada ketika ini rehat sementara, tetapi sebelum itu terangkan bahawa anda akan menggunakan beberapa latihan lagi untuk menerangkan Model Sosial secara lebih mendalam.

**Latihan 10: Latihan Kieron**

(Bahan Edaran: Latihan 10)

Latihan ini melibatkan tayangan pita video Kieron Wild di mana beliau menceritakan tentang diri sendiri dan pengalaman bersekolah. Video pendek ini adalah sebahagian daripada pek latihan yang dihasilkan oleh Susan Hemmings bagi Open University.

Oleh kerana ia singkat, video ini harus ditayangkan dua kali. Selepas menayangkan kali pertama menerangkan kepada peserta anda akan membahagikan mereka kepada dua kumpulan di mana satu kumpulan akan diminta mengenal pasti faktor yang menimbulkan penafian pendayaupayaan (iaitu halangan yang dikenal pasti di bawah Model Sosial Model), yang dihadapi oleh Kieron.

Kumpulan kedua akan diminta menumpukan kepada Model Perubatan dan senaraikan kecatatan yang ada pada Kieron.

Sebelum menayangkan video kali kedua edarkan *flip chart* yang sudah disediakan.

Pamerkan juga *flip chart* dari sesi terdahulu yang menunjukkan perbezaan di antara Kesedaran Perihal 'Disabiliti' dan juga Kesamarataan Perihal 'Disabiliti'. Juga minta peserta merujuk kepada Bahan Edaran mengenai Model Sosial dan Model Perubatan Perihal Kecacatan. (Bahan Edaran: Latihan 10)

Simpan contoh jawapan bersama anda untuk rujukan.

Selepas kumpulan sudah menonton bagi kali kedua, bahagikan peserta kepada dua kumpulan untuk menghabiskan tugas mereka.

Bagi sesi maklum balas, kekalkan kumpulan di tempat mereka tetapi minta mereka menukarkan *flip chart* yang disediakan itu

antara mereka. Kemudian minta mereka membincang sama ada bersetuju atau tidak dengan perkara yang dicatatkan itu.

*Flip chart* yang disediakan

**Model Sosial**

Kieron menghadapi halangan .....

(Senaraikan Faktor-Faktor yang menimbulkan penafian  
Pendayaupayaan)

Contoh Jawapan: Kieron menghadapi halangan oleh kerana ...  
Terpinggir, perancangan yang kurang baik, diskriminasi, terpicil, pemangsaan/membuli, prasangka/sikap, persekitaran terbina, tiada komunikasi, sikap 'tidak mengindahkan' (pihak berkuasa), tiadanya kesamarataan, tidak dapat bersuara/tiada saluran untuk meluahkan perasaan, masalah akses, sekolah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pembekal perkhidmatan, tiada polisi mengenai penyertaan sepenuh, tiada jaringan sokongan contoh: tiada model peranan, kumpulan rakan sebaya, pengabaian hak asasi manusia, kekecewaan.

*Flip chart* yang disediakan

**Model Perubahan**

Kieron "menderita kerana" .....

Senaraikan kekurangan

Contoh Jawapan: Kieron "menderita kerana" .....

Palsi serebrum, terkongkong, terlalu bergantung pada orang

lain, masalah pertuturan/keperluan khas, tekanan, tidak suka bergaul, tidak normal, mudah dilukai, kecekatan tangan yang terhad, kecacatan fizikal, masalah berkomunikasi, bergerak secara spastik, rasa rendah diri, keseorangan, kes keperluan khas, sakit kaki, sangat mudah tersinggung perihal 'disabiliti', pendiam dan tidak tahu bergaul dengan orang lain, masalah personaliti, sifat sering menyalahkan diri, memerlukan peralatan khas, masalah pembelajaran, lembab/bodoh.



***Latihan 11: Tayangan video "Saturday Night Out"***

Bagi latihan ini maklumkan kepada kumpulan anda akan menayangkan sebuah filem video yang menunjukkan dua orang sahabat yang sedang membuat persiapan untuk keluar malam. Ini merupakan suatu lagi video yang disediakan oleh Susan Hemmings sebagai sebahagian daripada kursus di Open University (UK).

Minta peserta menonton video berkenaan dan mencari apakah halangan-halangan yang dialami oleh dua orang sahabat itu.

Selepas menayangkan video minta seorang daripada peserta mencatatkan jawapan-jawapan pada *flip chart*. Kekalkan peserta dalam kumpulan dan minta mereka menyuarakan jawapannya.

***Latihan 12: Berdikari***

(Bahan Edaran: Latihan 12)

*Tujuan:*

Tujuan latihan ini adalah untuk membantu peserta menyedari bahawa berdikari adalah kebolehan membuat pilihan dan menguasai keadaan.

Bahagikan peserta kepada tiga kumpulan dan berikan *flip chart* yang telah disediakan kepada setiap kumpulan.

Tunjukkan kepada peserta *flipchart/acetate/power-point* yang terdapat pada Bahan Edaran: Latihan 12, dan minta mereka senaraikan prinsip-prinsip penyampaian perkhidmatan.

Untuk membantu anda membincangkan isu-isu, pastikan anda membaca contoh jawapan.

Berikan 20 minit untuk kumpulan-kumpulan menjalankan tugas ini; kemudian bawakan semua peserta dalam kumpulan besar untuk sesi maklum balas.

Bagi sesi maklum balas petik prinsip-prinsip perkhidmatan utama dan senaraikannya pada *flip chart*. Perhatikan tajuk kecil pada carta ini yang menunjukkan bahawa Berdikari = Pemilihan dan Penguasaan.

Sesi maklum balas ini juga akan mengambil masa dua puluh minit.

*Flip chart* yang disediakan

*Tujuan:*

Peserta berfikir tentang keinginan sendiri untuk berdikari walaupun memerlukan orang lain untuk membantu mereka/melakukan perkara yang tidak dapat dibuat sendiri.

Untuk mereka menganalisis ciri-ciri yang diharapkan dalam penyampaian perkhidmatan dalam kehidupan harian.

Untuk mereka mewujudkan senarai prinsip-prinsip penyampaian perkhidmatan yang memberikan OKU dan juga orang bukan OKU pemilihan sendiri serta penguasaan.

*Flip chart* yang disediakan

Prinsip Penyampaian Perkhidmatan: Kumpulan Satu

Perjalanan kereta api

Restoran

Penghias rumah

Pembaiki mesin basuh

*Flip chart* yang disediakan

Prinsip Penyampaian Perkhidmatan: Kumpulan Dua

Potong rambut

Servis kereta

Penjaga anak

Doktor gigi

*Flip chart* yang disediakan

Prinsip Penyampaian Perkhidmatan: Kumpulan Tiga

Membaiki alat pemanas air

Agen pelancongan

Hotel

Pengasuh anak

*Prinsip Penyampaian Perkhidmatan – Contoh Jawapan*

*Perjalanan Kereta api:* fleksibel, menepati waktu, selesa, sikap kakitangan, keselamatan, makanan dan minuman, tandas, maklumat, harga, lokasi, cara menyelesaikan masalah, rungutan, aduan.

*Restoran:* makanan berkualiti, kesihatan dan keselamatan, kakitangan yang bersopan santun, berbaloi, tidak merokok, tandas, menu yang mesra pelanggan, aduan dialukan, harga.

*Penghias rumah:* kualiti kerja, beramanah, berbaloi, kesihatan dan keselamatan, menghargai harta, perjanjian penyelesaian masalah, kontrak mengikut jadual waktu.

*Pembaiki mesin pembasuh:* beramanah, kualiti kerja, harga.

*Potong rambut:* bermutu tinggi, tempat letak kereta, harga, masa, perkhidmatan mesra, pilihan, akauntabiliti/ganti rugi.

*Servis kereta:* berhampiran, reliabiliti, harga bersaing, bersopan, kepakaran, pilihan servis.

*Penjaga anak:* boleh dipercayai, ketepatan waktu, reliabiliti, menghormati anak/nilai keluarga, rekod kecekapan.

*Doktor gigi:* mesra pelanggan, pilihan, reputasi, kecekapan, rawatan moden, piawaian berkualiti.

*Pembaiki alat pemanas air:* pilihan pembekal perkhidmatan, reliabiliti reputasi, mudah dihubungi, kemahiran, amanah, berhampiran, murah, bersaing.

*Agen pelancongan:* maklumat baik yang terkini, harga bersaing, reliabiliti, ahli MATTA – bagi perlindungan, sikap baik.

Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

*Hotel:* sikap baik, berbaloi, selesa, mempunyai kemudahan akses, reputasi, perkhidmatan baik, pilihan.

*Pengasuh anak:* reputasi, penyayang, persekitaran yang selamat, bertauliah/berpengalaman, bersaing, reliabiliti.

## Prinsip Penyampaian Perkhidmatan – Carta Fasilitator

Servis kereta  
(Bantuan asas/Peralatan)

Perjalanan kereta api  
(Pengangkutan)

Penghias rumah  
(Perkhidmatan secara peribadi di rumah)

Potong rambut  
(Penjagaan peribadi)

***Latihan 13: Tindakan untuk Membawa Perubahan***

*Tujuan:*

Sebagai langkah seterusnya, apakah yang boleh dilakukan oleh saya dan persatuan saya?

Pada asasnya sesi ini menanyakan soalan "Apa yang boleh kita lakukan seterusnya?"

Mungkin anda boleh membincangkan beberapa isu praktikal seperti berikut:

- Isu akses
- Kekacatan penglihatan
- Kekacatan pendengaran
- Etiket perihal 'disabiliti'
- Cadangan berguna

*Hasilnya:*

- Pelaksanaan perubahan kepada dasar dan peraturan.
- Akses yang lebih baik kepada kemudahan—bangunan dan maklumat.
- Sikap, bahasa/istilah dan kesedaran.
- Bertanggungjawab.



## **Penilaian**

(Bahan Edaran: Latihan Borang Penilaian DET)

Untuk menamatkan sesi latihan edarkan borang penilaian kepada peserta, dan minta mereka mengisikannya dengan seikhlas yang boleh, walaupun mengatakan ia didapati tidak memuaskan langsung. Maklum balas daripada peserta penting untuk mengubah bahagian-bahagian yang didapati tidak berkesan.

## **Perancangan Sesi**

(Bahan Edaran: Rangka Sehariian & Rangka Sesi)

Semua sesi sebelum ini telah meliputi aspek utama latihan kesamarataan Perihal 'Disabiliti', jenis tugas kumpulan serta kaedah maklum balas. Walau bagaimanapun, sebagai seorang fasilitator adalah penting untuk anda merancang cara bagaimana hendak menyampaikan setiap sesi.

Anda perlu menyediakan rangka harian bagi kursus dengan menunjukkan secara jelas tujuan, jadual waktu serta kaedah yang anda akan gunakan.

Untuk bahagian yang selanjutnya anda diminta memilih satu topik daripada yang berikut dan menyediakan suatu sesi yang akan berlangsung selama sepuluh minit:

1. Mendefinisikan siapa Orang Kurang Upaya
2. Halangan-halangan akses yang utama bagi OKU
3. Model Perubatan
4. Model Sosial
5. Mengapa penggunaan bahasa / istilah harus berubah
6. Sikap

## **Bahagian 2.2. Bahan Edaran Peserta**

### ***Bahan Edaran Tujuan dan Objektif***

#### *Tujuan Kursus:*

Untuk membolehkan kakitangan memahami isu kecacatan berdasarkan Model Sosial dan untuk mengenal pasti bidang di dalam organisasi/tempat mereka sendiri yang dapat diubah demi menggalakkan penyertaan OKU.

#### *Objektif Kursus:*

- Untuk mengenal pasti ungkapan/perkataan/bahasa yang kurang manis terhadap OKU dan untuk menggunakan istilah yang lebih sesuai (yang dapat diterima).
- Untuk mengkaji semula serta mengubah sikap dan tahap kesedaran mengenai Perihal 'Disabiliti'.
- Untuk mengkaji secara kritis Model Perubatan Perihal 'Disabiliti' dan memperkenalkan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'.
- Untuk mengenal pasti bidang di mana perubahan boleh dilakukan dan untuk mewujudkan pelan tindakan bagi melaksanakan perubahan tersebut.

***Bahan Edaran: Latihan 1***

*Latihan Orang Ternama*

---

Julius Caesar	Maharaja Rom
John Cleese	Pelakon Lawak – 'Fawlty Towers'
Bill Clinton	Presiden Amerika Syarikat
Tom Cruise	Pelakon
Daniel Day Lewis	Pelakon
Albert Einstein	Pakar Fizik / Matematik
Stephen Hawking	Profesor Fizik Teoretik
Steve Redgrave	Pemenang Pingat Emas Olimpik
Christopher Reeve	Pelakon
Franklin Delano Roosevelt	Presiden Amerika Syarikat
Vincent Van Gogh	Pelukis
Stevie Wonder	Penyanyi/Pencipta Lagu

---

***Bahan Edaran: Latihan 2.1***

DET vs. DAT

LATIHAN KESEDARAN PERIHAL 'DISABILITI' (DAT)  
BERTANYA?

Apakah masalah anda (Perihal 'Disabiliti')?

Bagaimana kami boleh membantu?

Apakah keperluan khas anda?

LATIHAN KESAMARATAAN PERIHAL 'DISABILITI' (DET)  
BERTANYA?

Apakah tanggungjawab saya sebagai majikan atau pembekal perkhidmatan?

Bagaimana boleh saya pastikan amalan penggajian pekerja/ penyampaian perkhidmatan yang adil dan inklusif?

Kaitan secara langsung kepada aspek lain latihan kesamarataan, contoh: ras (keturunan), jantina dan sebagainya.

***Bahan Edaran: Latihan 2.2***

NILAI DASAR LATIHAN KESAMARATAAN PERIHAL  
'DISABILITY'.

- Mewujudkan Perihal 'Disabiliti' sebagai suatu isu hak.
- Pengiktirafan kepelbagaian (*diversity*).
- Kesamarataan peluang.
- Model Sosial Perihal 'Disabiliti' ditakrifkan oleh orang kurang upaya secara kolektif.
- Menggunakan Model Sosial untuk membawa perubahan.
- Kelakuan menentang penindasan (menyoal dan menentang penindasan di semua peringkat)
- Pendayaupayaan orang kurang upaya.

**Bahan Edaran: Latihan 3**

SIKAP DAN KESEDARAN

---

S 1	Majoriti OKU menggunakan kerusi roda.	Betul/Salah
S 2	Anda tidak patut menyebut, "Saya harus angkat kaki sekarang", atau "jumpa kemudian", kepada OKU.	Betul/Salah
S 3	70% daripada OKU yang mampu bekerja menganggur.	Betul/Salah
S 4	Menggerakkan bibir secara keterlaluan apabila bercakap akan membantu seorang yang dapat membaca gerak bibir memahami apa yang dituturi oleh anda.	Betul/Salah
S 5	Apabila berjumpa dengan orang buta memperkenalkan diri anda.	Betul/Salah
S 6	Semua orang buta suka bercermin mata hitam.	Betul/Salah
S 7	Apabila bercakap dengan orang yang memakai alat bantu pendengaran, anda harus bercakap dengan suara yang kuat.	Betul/Salah
S 8	Apabila membantu OKU anda selalu harus tanya mereka tentang kekurangan mereka.	Betul/Salah
S 9	Tandas yang mesra OKU memerlukan kunci khas untuk membukanya.	Betul/Salah

---

Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

S 10	Sekiranya orang pekak tidak memahami apa anda bercakap kali pertama, anda harus mengulanginya bekali-kali sehingga mereka faham.	Betul/Salah
S 11	Mereka yang mengalami penyakit mental kemungkinan besar berbahaya dan kelakuan mereka tidak dapat diduga.	Betul/Salah
S 12	Pendengaran orang buta lebih baik berbanding orang celik.	Betul/Salah
S 13	Usia mental mereka yang mempunyai Sindrom Down tidak lebih daripada 10 tahun.	Betul/Salah
S 14	Semua orang pekak boleh membaca gerak bibir.	Betul/Salah
S 15	Sekiranya seseorang mengalami epilepsi, anda harus letakkan sesuatu benda ke dalam mulutnya.	Betul/Salah

**Bahan Edaran: Latihan 4.1**

KUASA PERKATAAN

Perhatikan istilah berikut dan tanya diri sendiri sama ada ia menggambarkan imej positif atau negatif.

---

<i>Wheelchair bound</i>	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Golongan cacat	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
<i>Cripple</i>	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
<i>Invalid</i>	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Integrasi	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Spastik	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
<i>Handicapped</i>	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Orang Bermasalah Pembelajaran	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Pesakit Mental	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Penderita	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Keperluan Khas	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Spina Bifida	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Berdikari	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya
Orang Kurang Upaya	Positif / Negatif / Tidak Kedua-duanya

---

**Bahan Edaran: Latihan 4.2**

PERHITUNGAN

Ketidakupayaan + Faktor Penghalang = 'Disabiliti'

Orang dengan ketidakupayaan + Mengalami Faktor Penghalang = OKU



***Bahan Edaran: Latihan 5.1***

HAK

- A. Orang Kurang Upaya BERHAK menjadi ibu bapa.
- B. Ibu bapa yang kurang upaya mempunyai HAK untuk duduk bersama anak-anak mereka di pawagam.
- C. Ibu bapa yang kurang upaya mempunyai HAK untuk mendapatkan bantuan bagi penjagaan anak di rumah.

Kebanyakan orang akan bersetuju dengan kenyataan-kenyataan ini, walaupun mereka kurang pasti sama ada OKU mempunyai hak tersebut di bawah undang-undang.

Hak A, B dan C adalah berbeza.

Bolehkah anda nyatakan apa perbezaannya?

Adakah ia terdapat di bawah undang-undang ataupun di bawah kelayakan lain?

***Bahan Edaran: Latihan 5.2***

PERHITUNGAN HAK

Hak Asasi Manusia + Hak Sivill + Kelayakan = Hak OKU

Apa sahaja yang ditolak = Penganiayaan Hak

***Bahan Edaran: Latihan 6***

MENGIKUT MODEL PERUBATAN

- ☹ Andalah masalahnya.
- ☹ "Kecacatan" anda perlu diubati atau disembuhkan.
- ☹ Anda tidak boleh membuat keputusan sendiri mengenai cara kehidupan anda.
- ☹ Anda memerlukan ahli profesional untuk menjaga anda.
- ☹ Mustahil untuk anda menyamai kedudukan seperti orang lain yang bukan OKU.

MENGIKUT MODEL SOSIAL

- ☺ "Kecacatan" bukan masalah individu.
- ☺ Kami tidak dapat bersaing pada tahap yang sama sebab terlalu banyak halangan dan kekangan.
- ☺ Kami perlu menyedari bahawa "masyarakat", (melalui kerajaan serta agensinya), bertanggungjawab menghapuskan halangan-halangan tersebut.
- ☺ OKU mempunyai hak-hak yang sama seperti rakyat lain.

**Bahan Edaran: Latihan 7**

*Latihan Kim*

- ☹️ Dia menunjukkan kelambatan perkembangan dengan kadar sederhana pada umur dua tahun lapan bulan, dan kemahirannya kurang baik oleh kerana tiada perubahan dalam perkembangannya (perkembangan otak).
- 😊 *Kim adalah seorang anak kecil yang suka ketawa dan mempunyai banyak tenaga.*
  
- ☹️ Perkembangannya tetap merosot.
- 😊 *Kim selalu mencuba sedaya upaya. Dia tidak mengaku kalah.*
  
- ☹️ Dia mengidap epilepsi yang tidak boleh dikawal dan perlu ditempatkan di sekolah khas yang mempunyai pusat penjagaan khas.
- 😊 *Kim adalah seorang anak yang biasa yang perlu bergaul secara biasa dengan kanak-kanak lain sebaya dengannya.*
  
- ☹️ Dia sangat pasif.
- 😊 *Kim senang dijaga.*
  
- ☹️ Dia mempunyai ciri-ciri autistik.
- 😊 *Kim dapat berkomunikasi secara elok.*
  
- ☹️ Dia selalu tidak bekerjasama.
- 😊 *Kim seorang yang periang.*
  
- ☹️ Dia tidak patut berperangai demikian. Dia patut hentikannya!
- 😊 *Saya suka apabila dia bergembira. Semangatnya sangat mengesankan.*
  
- ☹️ Dia perlukan penjagaan oleh orang luar.
- 😊 *Kim memerlukan pengasuh anak dan kawan-kawan.*

Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

- ☹️ Dia sering mengalami serangan epilepsi. Ini merupakan suatu masalah besar.
- 😊 *Kim sering mengalami serangan epilepsi. Ia sebahagian daripada kehidupannya.*
  
- ☹️ Dia menghadapi masalah komunikasi yang rumit.
- 😊 *Meluangkan masa bersama Kim membolehkan saya menghayati ketenangan untuk menjauhkan daripada tekanan rakan sebaya dan tekanan dari sekeliling.*

Petikan daripada: *Let our Children Be*, disusun oleh Pippa Murray dan Jill Penman. (Parents with Attitude c/o 44 Cowlishaw Road, Sheffield, S11 8XF).

***Bahan Edaran: Latihan 9.1***

Perkara Utama mengenai Perihal 'Disabiliti' berdasarkan Model Sosial


1. Ia dihasilkan oleh OKU untuk mengatasi diskriminasi terhadap OKU.
2. Ia diwujudkan untuk melihat masalah "kecacatan" (OKU) dari sudut sosial dan bukan menganggap OKU itu sendiri sebagai masalah.
3. Ia membolehkan kita mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan perubahan dan khususnya mengenal pasti sikap negatif, halangan fizikal dan juga komunikasi sebagai bidang utama yang perlu diubah.
4. Ia membolehkan semua OKU (pelbagai kekurangan) bekerjasama untuk memperjuangkan perubahan dalam sikap masyarakat dan peningkatan akses dan komunikasi.
5. Ia membolehkan OKU menyedari bahawa kedudukan mereka harus diberi perhatian dari segi hak asasi manusia dan sebagai isu kesamarataan.
6. Ia menganjak tumpuan daripada apa yang tidak boleh dilakukan oleh OKU kepada apa yang BOLEH dilakukan oleh mereka sekiranya mendapat kerjasama daripada pihak yang berkenaan untuk mewujudkan kesamarataan.

***Bahan Edaran: Latihan 9.2***

Mengapa model sosial berasaskan pada penilaian yang berdasarkan keperluan

1. Ia mengiktirafkan kesamarataan serta hak sebagai asas bagi menyediakan perkhidmatan.
2. Ia menghargai penyertaan dan pengenalan sendiri mengenai keperluan.
3. Ia membolehkan/membenarkan OKU mengambil risiko.
4. Ia mengubah perhubungan OKU daripada menjadi perayu/bergantung pada orang lain kepada perkongsian dan saling bergantung.
5. Ia menggalakkan keadilan sosia—bukan kebajikan sosial.

**Bahan Edaran: Latihan 9.3**



*Model Sosial*

Gambar rajah ini menunjukkan kekangan yang dihadapi apabila "Model Sosial" digunakan.

Sumber: SEATID Edinburgh, Petikan daripada: "Altogether Better" Training Pack.

## ***Bahan Edaran: Latihan 10***

### *Model Perubatan dan Model Sosial Perihal 'Disabiliti'*

#### *Model Perubatan*

Di dalam kehidupan masyarakat kita menganggap bahawa 'disabiliti' adalah tragedi bagi individu dan beban bagi keluarga dan masyarakat. Anggapan begini adalah berdasarkan kepada 'Model Perubatan' terhadap 'disabiliti'. Model begini mengutamakan fokus pada kekurangan fungsi fizikal atau mental, dan menggunakan pandangan secara klinikal untuk menggambarkan 'disabiliti' seseorang. Terdapat norma-norma perkembangan dan norma fungsi pada orang yang dinilai. Model ini menjurus kepada pandangan untuk mengetepikan sifat-sifat kemanusiaan, di mana kepentingan hanya tertumpu kepada sifat dan tahap ketidakupayaan seseorang, dan pada masa yang sama sejauh manakah perbezaan tersebut dapat diperbaiki atau dikurangkan. Ini akan meletakkan seseorang itu sebagai mangsa.

Orang kurang upaya telah menolak model ini. Mereka mengatakan hal ini menyebabkan mereka berasa rendah harga diri, tidak membantu mengembangkan keupayaan kehidupan, taraf pendidikan yang rendah dan mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi. Lebih daripada itu, mereka telah mengakui bahawa Model Perubatan menjurus kepada kerenggangan perhubungan semula jadi dengan keluarga, komuniti dan masyarakat secara keseluruhan.

#### *Model Sosial*

Kini, orang kurang upaya telah tiba ke satu 'dimensi' baru untuk membantu kita memahami situasi begini. Mereka mencabar setiap orang untuk membuang tanggapan bahawa 'disabiliti' adalah satu masalah perubatan yang memerlukan 'rawatan', tetapi untuk memahami bahawa 'disabiliti' adalah permasalahan penyisihan daripada kehidupan biasa.



Ini adalah apa yang dikenali sebagai 'Model Sosial Perihal 'Disabiliti', memerlukan perubahan dalam nilai-nilai dan amalan masyarakat dalam rangka untuk menyingkirkan halangan terhadap penyertaan; yang sebenarnya membuat mereka tidak upaya! Jelas bahawa perkara ini boleh dilakukan, dan sememangnya sudah bermula—contohnya menukar anak tangga kepada tanjakan, maklumat dalam huruf Braille dan menilai cara pembelajaran yang berbeza. Pemahaman 'Model Sosial Perihal 'Disabiliti' oleh orang bukan kurang upaya membina satu komuniti bersatu yang akan mempercepatkan proses perubahan sikap. Hasilnya, hal ini akan memberi impak positif dalam membina masyarakat yang bebas daripada halangan dan menjana manfaat penuh daripada mereka dan juga sumbangan daripada masyarakat keseluruhannya; contohnya remaja OKU akan dapat belajar sebagaimana sewajarnya, pekerjaan dan segala aspek dalam kehidupan masyarakat.

***Bahan Edaran: Latihan 12***

**BERDIKARI**

*Tujuan:*

Peserta berfikir tentang keinginan sendiri untuk berdikari walaupun memerlukan orang lain untuk membantu mereka/ melakukan perkara yang tidak dapat dibuat sendiri.

Untuk mereka menganalisis ciri-ciri yang diharapkan dalam penyampaian perkhidmatan dalam kehidupan harian.

Untuk mereka mewujudkan senarai prinsip-prinsip penyampaian perkhidmatan yang memberikan OKU dan juga orang bukan OKU pemilihan sendiri serta penguasaan.

**Bahan Edaran:**

*BORANG PENILAIAN DET*

- Mengikut pendapat anda, apakah yang ingin dicapai oleh sesi latihan ini?
- Apakah pendapat anda tentang kandungan latihan ini? (adakah ia relevan, menarik dan apa yang anda harapkan)?
- Apakah caranya, sekiranya ada, untuk anda melaksanakan atau menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada latihan ini?
- Adakah antara isu yang dibincangkan yang pada pendapat anda memerlukan perhatian yang lebih?
- Adakah perkara-perkara lain yang boleh membantu kami memperbaiki lagi latihan?

**RANGKA SEHARIAN**

(KLIEN) \_\_\_\_\_

(TUJUAN)

-

-

-

-

\_\_\_\_\_

ATURCARA:                    KURSUS SEHARI UNTUK 12 PESERTA

	SESI	KAEDAH
9.30		
12.45	MAKAN TENGAH HARI	
4.30		

**RANGKA SESI**

NAMA SESI:  SESI SEBELUM ADALAH:  TUJUAN UTAMA SESI:		PERALATAN:  KAEDAH UTAMA:	
MASA	FASA SESI – KAEDAH, KANDUNGAN, PERANAN		
	Anda	Peserta	
10 minit (pertama)			
10 minit (kedua)			
dan sebagainya			

## **Bahan Edaran**

### *Petua Berguna*

Kebanyakan majikan mahu melayan pekerja OKU serta pemohon kerja OKU sama seperti orang lain juga tetapi mereka tidak pasti bagaimana untuk melakukannya.

Cadangan-cadangan berikut bukanlah undang-undang baharu tetapi ia mungkin berguna apabila anda bertemu OKU.

- OKU juga adalah individu seperti orang lain. Jangan buat andaian mengenai kebolehan atau keperluan mereka. Harus diingatkan bahawa ada juga kekurangan yang tidak ketara seperti epilepsi dan sakit jiwa.
- Sekiranya tidak pasti apakah kesannya sesuatu perkara ke atas OKU, tanyalah mereka untuk mendapatkan nasihat.

### *Komunikasi*

- Sekiranya seorang OKU berada bersama teman, cakap dengan OKU itu sendiri, bukan dengan temannya. Begitu juga apabila seorang jurubahasa isyarat bersama seorang pekak.
- Apabila bercakap dengan seorang pekak, tanya dahulu—dengan menulis kalau boleh—sama ada mereka boleh membaca gerak bibir. Sekiranya mereka boleh, pastikan muka anda boleh dilihat, pandang terus kepada yang berkenaan, bercakap dengan jelas dan biasa, dan jangan membawa tangan ke muka anda.
- Apabila bertemu seorang buta untuk kali pertama, perkenalkan diri anda. Apabila hendak berundur, beritahu mereka. Jangan biarkan mereka bercakap seorang diri.

## Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

- Apabila bercakap dengan seorang yang mempunyai kekurangan bertutur, tumpukan perhatian kepada apa yang disebutkan secara sabar dan jangan cuba meneka apa yang hendak disebutkan itu. Sekiranya anda tidak faham jangan berpura-pura faham.
- Sekiranya ada sesiapa yang menghadapi masalah memahami anda—mungkin disebabkan masalah pembelajaran—bersabarlah dan bersedia mengulangnya lebih daripada sekali. Tumpukan kepada penggunaan bahasa yang mudah difahami.
- Apabila bercakap dengan seorang pengguna kerusi roda, pastikan mata anda sama paras dengan mata mereka, mungkin dengan duduk. Jangan bersandar pada kerusi roda — ia adalah sebahagian daripada ruang peribadinya.
- Elakkan soalan peribadi mengenai kekurangannya misalnya 'Adakah anda dilahirkan begini?' Tetapi seorang majikan boleh bertanya 'Adakah kekurangan anda akan mempengaruhi kebolehan anda membuat kerja ini?'
- Sekiranya rupa seseorang berlainan, jangan asyik perhatikannya. Tumpukan perhatian kepada apa yang disampaikan oleh mereka bukan pada rupa seseorang itu.
- Sekiranya anda bercakap dengan seorang dewasa, layaninya sebagai seorang dewasa.

### *Membantu*

- Sekiranya anda bertemu seseorang, yang pada pendapat anda memerlukan pertolongan, sila menolong, tetapi tunggu kesudian mereka menerima pertolongan anda terdahulu, sebelum menolong.
- Semasa menolong orang buta jangan menolak atau menarik mereka. Tanya sama ada mereka mahu anda memegang siku mereka. Sekiranya ada tangga beritahu mereka sama ada tangga itu naik atau turun.
- Ingat bahawa anjing pandu bagi orang buta, anjing yang boleh mendengar bagi orang pekak serta lain-lain anjing bantuan ada tugas, ia bukan haiwan peliharaan. Jangan memberinya makanan atau membelainya. Ini akan mengganggu tumpuan perhatian semasa dia bertugas.
- Yang penting, cuba bayangkan diri sendiri dalam keadaan orang kurang upaya itu. Kebanyakan daripada nasihat di atas cuma memerlukan sopan santun sahaja.

### *Bahasa*

Ada perkataan yang kita gunakan yang boleh menyinggung perasaan orang kurang upaya kerana ia menggambarkan mereka sebagai terlalu bergantung pada orang lain atau tidak bermaya. Perkataan seperti "*cripple*" atau "*terencat akal*" telah menjadi istilah untuk memaki atau mengejek orang kurang upaya. Di muka surat sebelah terdapat perkataan-perkataan yang patut "*dielakkan*", bersama cadangan perkataan alternatif



Mempromosikan Kesamarataan 'Disabiliti'

---

<i>Elakkan perkataan</i>	<i>Gunakan</i>
orang cacat	orang kurang upaya
menghidap penyakit/ mangsa	seorang yang mempunyai...
pekak dan bisu	pekak dan tidak boleh bertutur
pengidap epilepsi	seorang yang ada epilepsi
spastik	seorang yang ada palsy serebrum
cacat akal / tidak normal	seorang yang ada masalah pembelajaran
<i>"wheelchair-bound"</i>	pengguna kerusi roda

---

Diterbitkan bagi pihak Minister for Disabled People  
Disediakan bersama National Disability Council dan RADAR

## Poskrip

Masyarakat di seluruh dunia semakin berubah dan orang menjadi lebih sedar akan hak mereka sebagai warga negara. OKU di United Kingdom telah menggunakan Model Sosial Perihal 'Disabiliti' sebagai medium untuk membolehkan mereka lebih inklusif di dalam masyarakat. Saya telah menyaksikan bagaimana sikap orang bukan kurang upaya di Ireland Utara dan United Kingdom telah berubah selepas mengikuti Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (*Disability Equality Training: DET*). Perubahan sikap telah mengakibatkan perubahan dalam dasar, amalan dan prosedur di tempat kerja dan di antara pembekal barangan dan perkhidmatan.

Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dan Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (DET) telah dimasukkan ke dalam piagam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Hak-hak OKU piagam dan ini akan, mudah-mudahan, mempunyai kesan yang signifikan di seluruh dunia dan akhirnya menerima OKU sebagai warga negara penuh.

Ini adalah satu penghormatan dan keistimewaan untuk terlibat dalam membawa konsep Model Sosial Perihal 'Disabiliti' dan Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' (DET) untuk peserta kursus. Saya berbesar hati melihat komitmen dan semangat setiap individu dan kemahuan untuk mencabar persepsi mereka

sendiri tentang 'disabiliti'. Selain itu, bagi kebanyakan orang, Latihan Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' amat bertentangan dengan budaya dan persekitaran di mana mereka tinggal dan bekerja. Jadi, saya menyedari mempraktikkan Teori Kesamarataan Perihal 'Disabiliti' adalah titik permulaan dalam perjalanan yang panjang untuk mencapai perubahan budaya. Tetapi, daripada komitmen peserta, saya tidak ragu bahawa mereka mempunyai kekuatan untuk meneruskan perjalanan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Seni Ireland Utara, rakan sekerja, rakan dan sekutu atas kerjasama dan sumbangan. Saya akhirnya mengucapkan terima kasih kepada JICA dan Dr Kenji Kuno kerana keyakinan mereka dalam projek ini, dan juga kepada semua yang akan meneruskan usaha berkempen demi perubahan.